

Jilid 1
Bil. 4



Hari Jumaat
10hb Oktober, 1986

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 377]

USUL:

Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong—Y.B. Tuan Adam bin Abdul Kadir [Ruangan 410]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Penerangan, Y.B.M. Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj bin Tengku Ismail, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Pertahanan, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

- Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S (Johor Bahru).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).
- „ Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH GADDAM (Kinabalu).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D.P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMED YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Kedudayaan, Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARA BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO KOK WEE KIAT (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN WOON SEE CHIN (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Trengganu).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN (Raub).

„ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN (Baling).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

„ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).

„ TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).

„ DR ABDUL HADI BIN DERANI (Kota Setar).

„ DATU ABDUL HAMID BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Limbawang).

„ TUAN ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD (Sungai Petani).

„ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).

„ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).

„ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).

„ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

„ DATO' ABDULLAH AHMAD (Kok Lanas).

„ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).

„ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).

„ TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).

„ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

„ TUAN AHMAD BIN OMAR (Pagoh).

„ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubuk Antu).

„ TUAN BASRI BIN BAJURI (Kuala Langat).

„ TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).

„ DR CHEN MAN HIN (Seremban).

„ TUAN CHEW KAM HOY (Padang Serai).

- Yang Berhormat TUAN CHIAN HENG KAI *alias* CHIAH SOO HA (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN DUGLAS UGGAH EMBAS (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI *alias* NG SING SAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN (Tanah Merah).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB (Sabak Bernam).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).

Yang Berhormat PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).

- „ TUAN LOKE YUEN YOW (Tanjong Malim).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL BIN PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN METAH BIN ASANG *alias* MICHAEL ASANG (Jambongan).
- „ TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH (Maran).
- „ TUAN MOHAMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF (Balik Pulau).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN ISA (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED BIN JAMRAH (Bagan Datok).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN SAILAN (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YAACOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).

Yang Berhormat TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).

- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN M.G. PANDITHAN (Tapah).
- „ DR PATAU RUBIS (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM (Arau).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM (Hulu Selangor).
- „ DR SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ TUAN TAN KOON SWAN (Gopeng).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI (Sik).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidek.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Jumaat, 10hb Oktober, 1986

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

GURU TERLATIH—
KEKURANGAN

1. Tuan Andrew Janggi Muyang minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil untuk mengatasi kekurangan guru terlatih di negara ini dan senaraikan kekurangan mengikut negeri-negeri.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pelajaran bagi mengatasi kekurangan guru-guru terlatih di negara ini ialah:

- (i) Menambah lebih ramai lagi bilangan calon guru-guru pelatih di maktab-maktab perguruan dan di universiti-universiti tempatan.
- (ii) Meneruskan Kursus Dalam Cuti bagi guru-guru sandaran tanpa latihan yang mempunyai kelayakan sesuai dan berpengalaman.
- (iii) Mengadakan kursus intensif bagi guru-guru siswazah Sains dan Matematik yang telah

tamat latihan perguruan iaitu dengan Diploma Pendidikan untuk mengajar mata pelajaran tertentu.

- (iv) Mengambil semula guru-guru yang bersara wajib.
- (v) Memberi tawaran kepada pemegang-pemegang biasiswa JPA dan MARA yang mempunyai ijazah dalam bidang sastera untuk dilantik sebagai guru sandaran tanpa latihan.
- (vi) Ialah kita melaksanakan program KBSR dan KBSM secara berperingkat-peringkat dan tidak secara terus.
- (vii) Ialah memendekkan jangka masa kursus perguruan daripada 3 tahun di masa lepas kepada 2½ tahun di masa kini.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah kekurangan guru terlatih di sekolah-sekolah di seluruh negara adalah lebih kurang 19,339 orang dan oleh kerana senarai kekurangan guru-guru terlatih mengikut negeri-negeri adalah begitu panjang maka saya mohon untuk menyampaikan jawapan ini secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat.

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan masalah-masalah kekurangan guru terlatih ini bukan timbul pada masa sekarang sahaja dan sebenarnya masalah ini telah wujud, kalau tidak silap saya sejak kemerdekaan negara kita dan soalan

tambahan saya, mengapa begitu lama Kerajaan belum mengatasi masalah ini.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan yang di-Pertua, memang kita mempunyai unjuran yang tertentu yang kita fikir akan dapat menyelesaikan masalah ini. Namun demikian, tidaklah boleh kita menepati akan unjuran yang kita buat itu, kerana sebagaimana kita sedia maklum dalam tahun 1967 iaitu berasaskan kepada Pekeliling Pentadbiran Bil. 3/67 meminda Akta yang bersabit dengan ini, kita memberi peluang kepada pelajar-pelajar dari Darjah 6 untuk masuk ke Tingkatan 1 secara automatik.

Yang Kedua, kita dapati bahawa participation rate di peringkat sekolah rendah dan menengah adalah bertambah. di peringkat sekolah rendah sahaja misal kata kita telah mencapai setakat ini 97% participation, dengan izin, daripada anak-anak kita.

Yang ketiga, kita juga menghadapi masalah process natural iaitu guru bersara meninggal dunia dan meletakkan jawatan. Jadi ini menyebabkan kekurangan guru-guru.

Yang keempat, kita juga sangat memerlukan guru khas seperti guru pemulihan, guru kaunseling dan sebagainya dan ini menambahkan keperluan untuk kita ke atas guru-guru.

Dan yang akhir sekali sebagaimana saya sedia maklumi tadi ialah kita kini sedang melaksanakan program KBSR dan tidak lama lagi akan melaksanakan program KBSM dan sudah tentulah ini melibatkan kajian yang terperinci dan unjuran yang tepat dan insya Allah kita akan dapat mencapai matlamat menyelesaikan masalah kekurangan guru ini di masa akan datang dengan terlaksananya program ini.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat bercadang untuk menggunakan tenaga siswazah yang menganggur sekarang sama ada dari aliran Sains ataupun Sastera, kerana mereka ini sudah ada kelulusan akademik dan cuma mengambil masa sedikit sahaja untuk menjadi guru yang terlatih.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan saya tadi saya telah senaraikan dan salah satu daripada langkah-langkah yang kita ambil, saya katakan tadi ialah memberi tawaran kepada pemegang-pemegang biasiswa JPA dan MARA yang ada kebolehan dan kemampuan untuk mengajar dan kita sebenarnya tidaklah memilih sebarang, dalam Bahasa Inggerisnya kita kata memilih dengan secara.

Tuan Yang di-Pertua: Bahasa Inggerisnya itu. (*Ketawa*)

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Pick and choose. Lupa saya sebutkan tadi. Kita pick and choose, kita tidaklah mengambil sewenang-wenangnya. Dan ini memang rancangan yang telah kita buat dan kita mengambil peluang kepada mereka untuk menghubungi kita menjadi guru, kalau mereka berminat, dan kalau kita fikir, kita juga berminat terhadap mereka.

PERUNTUKAN PEMBANGUNAN KAWASAN AHLI PARLIMEN

2. **Tuan Chian Heng Kai** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kawasan yang dimenangi oleh Ahli Parlimen parti pembangkang akan menerima peruntukan belanja pembangunan sebanyak \$200,000 seperti mana yang diuntukkan kepada kawasan ahli parti pemerintah. Kalau ya, betulkah hanya wakil rakyat Barisan Nasional berhak memutuskan

rancangan-rancangan pembangunan sedangkan wakil rakyat parti pembangkang hanya boleh mengemukakan rancangan pembangunan kepada pihak Pegawai Daerah (D.O.) dan terima atau tidaknya rancangan itu terpulang kepada Pegawai tersebut. Jika ya, kenapa.

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa setiap Ahli Parlimen Barisan Nasional diperuntukkan wang khas bagi membayar perbelanjaan-perbelanjaan pembangunan yang telah dihadapinya di kawasan calon berkenaan.

Apa yang berlaku ialah Ahli-ahli Parlimen mencadangkan projek-projek yang difikirkan penting dan perlu bagi kawasan masing-masing dan mengemukakan permohonan mereka kepada Pegawai Daerah. Setelah membuat kajian, Pegawai Daerah akan mengemukakan permohonan-permohonan ini untuk pertimbangan Kerajaan Negeri yang akan menentukan keperluannya, keutamaannya serta sama ada selaras dengan dasar dan keutamaan Kerajaan.

Permohonan-permohonan ini selepas itu dikemukakan kepada Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri untuk mendapatkan peruntukan. Biasanya nilai projek-projek yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Parlimen dihadkan tidak melebihi \$200,000 setahun. Jika projek-projek ini diluluskan ianya dilaksanakan melalui Pegawai Kemajuan Negeri dan Pegawai Daerah mengikut peraturan pelaksanaan projek-projek pembangunan yang lain.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah peruntukan ini terhad kepada \$200,000 untuk projek-projek pembangunan kawasan yang dikemukakan kepada Unit Penyelarasan, Jabatan Perdana

Menteri untuk setiap kawasan Parlimen Barisan Nasional? Adakah ini dilaksanakan selepas pilihanraya besar? Kedua, bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi satu jaminan bahawa tiada diskriminasi dalam peruntukan ini di mana sehingga saat ini hanyalah kawasan-kawasan Barisan Nasional boleh menikmati peruntukan ini dan semua kawasan tak kira kawasan dalam tangan Pembangkang atau Barisan Nasional akan menikmatinya oleh kerana semua penduduk itu pun ada bayar cukai?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya tak boleh jamin bahawa cuma \$200,000 sahaja, kadang-kadang kurang dan kadang-kadang lebih. Ini terpulanglah kepada keperluan dan keutamaan yang diberi kepada satu-satu projek di dalam satu-satu kawasan.

Soal diskriminasi tidak timbul sama sekali. Sama ada projek itu penting atau tidak penting adalah perkara yang menentukan sama ada projek itu akan diluluskan ataupun tidak, dan saya percaya belum terjadi keadaan yang mana kita umpamanya kalau membuat jalan, berhenti bila sampai ke kawasan yang dimenangi oleh parti lawan. Kita buat jalan terus juga kerana di sebelah sana ada lagi ahli parti Kerajaan mewakilinya. Jadi mustahil perkara yang semacam ini berlaku, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa kawasan-kawasan yang diwakili oleh Pembangkang adalah kawasan-kawasan bandar yang sudah maju, manakala kawasan-kawasan yang diwakili oleh parti Barisan Nasional adalah kawasan luar bandar yang tidak mencukupi kemudahan asas? Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bercadang untuk

menambahkan peruntukan bagi wakil-wakil rakyat ataupun bagi kawasan Barisan Nasional di luar bandar?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa kebanyakan daripada kawasan-kawasan parti Pembangkang ini berada di dalam bandar dan biasanya kawasan dalam bandar mendapat peruntukan jauh lebih banyak daripada \$200,000 tetapi berkenaan dengan kawasan luar bandar pula kita tidak menjamin bahawa peruntukan terhad kepada \$200,000 sahaja, mungkin kita akan memberi lebih mengikut keutamaan projek itu dan bukan mengikut parti mana yang mewakili kawasan itu.

HAKIM DI NEGERI SABAH—PERTAMBAHAN

3. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Kehakiman menyatakan oleh kerana kes-kes Sivil dan Kriminal bertambah, adakah Kerajaan bersedia menambahkan bilangan Hakim di Negeri Sabah supaya setiap bandar besar akan mendapat seorang Hakim yang tinggal di sana untuk mempercepatkan pembicaraan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada bilangan kes-kes untuk perbicaraan di Mahkamah Tinggi di Sabah, Kerajaan belum lagi bercadang untuk mengadakan seorang Hakim di setiap bandar besar di negeri itu.

ZIONIS—DAKWAAN MELEMAHKAN KEUTUHAN PEMIMPIN NEGARA

4. Dr Chen Man Hin minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) keadaan sebenarnya Y.B. melepai dakwaan ke atas komplot Zionis yang hendak melemahkan keutuhan pemimpin-pemimpin negara

dengan menuduh bahawa kedua-dua Syarikat Menteri Kewangan telah diambil alih oleh UMBC pada 1985; dan

- (b) bolehkah beliau memberi keizinan menubuhkan satu suruhanjaya siasatan ke atas Skandal UMBC dan mengumumkan keadaan sebenarnya kepada orang awam.

27-10-1986

6. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada terdapat Komplotan Yahudi untuk mencemarkan reputasi pemimpin-pemimpin Kerajaan Malaysia, dan jika ya, beri butir-butir lanjut.

30-10-1986

2. Dr Eng Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan nama dan identiti orang-orang, pertubuhan-pertubuhan dan parti-parti politik, asalnya tempatan atau asing, yang terbabit dalam satu "Zionist Plot" atau suatu "Perkongsian Jewish" yang Perdana Menteri rujukkan dalam ucapannya dan pertanyaannya pada bulan Julai dan Ogos, 1986.

6-11-1986

9. Tuan Teoh Teik Huat minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) nama negara-negara di bawah kawalan Yahudi di mana beliau menuduh pada 20-6-86 telah menggunakan penerbitan luar negeri yang cuba untuk menjatuhkan Kerajaan Malaysia; dan
- (ii) mengapa tiada bantahan atau tindakan yang diambil terhadap negara-negara tersebut oleh Kerajaan memandangkan akan beratnya perkara tersebut.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menjawab soalan ini bersama-sama dengan

pertanyaan-pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong pada 27hb Oktober, 1986, Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya pada 30hb Oktober, 1986 dan Ahli Yang Berhormat dari Bagan pada 6hb November, 1986, kerana pertanyaan-pertanyaan itu ada kaitan dan hampir-hampir sama maksudnya.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, taktik dan cara pihak Zionis bertindak dalam komplot mereka untuk mengganggu-gugat mana-mana negara, pertubuhan atau individu yang ternampak sebagai menyebelahi perjuangan hak orang-orang Palestin atau Arab di Asia Barat amatlah licin.

Tohmahan, fitnah dan ugutan serta tindakan sulit yang dikenali sebagai "dirty tricks", dengan izin Tuan Yang di-Pertua, oleh agensi-agensia rahsia mereka adalah cara-cara yang kerap kali digunakan terhadap mangsa-mangsa mereka.

Kerap kali juga pihak Zionis akan menggunakan saluran-saluran terbuka seperti akhbar-akhbar dan pertubuhan-pertubuhan yang sah supaya menyembunyikan niat jahat mereka bagi menabur fitnah dengan memainkan isu-isu semasa yang lumrah dibangkitkan oleh puak-puak tertentu dalam negara-negara berkenaan.

Penulisan terbuka dan laporan-laporan sulit mengenai taktik-taktik kotor Zionis dan puak-puak sulit lain pernah dibuat oleh mereka yang pernah menjadi mangsa.

Tuan Yang di-Pertua, kebelakangan ini sejak Malaysia membuat pendiriannya dengan lebih tegas menentang kezaliman pihak Zionis terhadap orang-orang Palestin dan Arab, Kerajaan ternampak unsur-unsur dan gejala-gejala yang sama ditunjukkan terhadap keutuhan ekonomi dan kestabilan politik negara ini.

Tohmahan-tohmahan dan fitnah-fitnah yang boleh menimbulkan kebimbangan dan keraguan pelabur-pelabur terhadap kekuatan ekonomi melalui tuduhan-tuduhan rasuah terhadap pemimpin-pemimpin Kerajaan serta kestabilan politik negara telah muncul secara terencana sehingga ramai rakyat menjadi bimbang dan gelisah. Ada pula segelintir individu dan kumpulan, secara sadar atau tidak, telah diperalatkan oleh pihak Zionis ini bagi turut memburukkan imej Kerajaan dan melemahkan ekonomi negara melalui permainan isu-isu tertentu.

Kerajaan memandang ancaman ini dengan serius dan akan terus mengambil tindakan-tindakan tertentu bagi menumpukan serta mematahkan ancaman dan niat jahat puak-puak seperti ini dari menguasai dan meracuni pemikiran rakyat serta pelabur-pelabur.

Rakyat yang benar-benar cintakan negara harus waspada terhadap gejala ini supaya tidak diperalatkan oleh pihak-pihak yang ingin menghancurkan negara ini.

Nama-nama orang, pertubuhan atau negeri yang terlibat tidaklah wajar didedahkan oleh kerana ini adalah rahsia Kerajaan. Perkara ini adalah penting supaya tidak menjejaskan atau menyulitkan tindak-balas Kerajaan untuk menentukan ancaman ini tidak menjadi lebih serius dan berlarutan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pembelian saham UMBC, Yang Berhormat Menteri Kewangan telahpun memberi jawapannya secara bertulis pada 8hb Oktober, 1986 yang lalu. Oleh yang demikian tidaklah perlu bagi saya mengulas perkara ini lagi. Saya juga bersetuju bahawa Suruhanjaya Siasatan Di Raja tidak perlu ditubuhkan memandangkan tidak terdapat percanggahan kepentingan dalam urusan UMBC.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, adakah Kerajaan mengkelaskan usaha-usaha dan tindakan yang dilakukan oleh komplot Zionis ini sebagai satu tindakan yang mengancam keselamatan negara dan kalaulah ianya mengancam keselamatan negara, apakah Kerajaan bersedia mengambil tindakan undang-undang seperti di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, tindakan yang dibuat itu boleh mengancam keselamatan negara jika sekiranya ia menjejaskan ekonomi negara ini, sepertimana yang kita tahu kalau ekonomi terjejas, ramai daripada penduduk negara ini tidak dapat perolehan yang berpatutan, maka akan jadilah bermacam-macam tindakan yang akan menyulitkan pemerintahan negara kita ini. Jikalau perkara ini nampak akan wujud, maka pihak Kerajaan akan menggunakan segala undang-undang yang ada pada Kerajaan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam fahaman tafsiran Yang Amat Berhormat, adakah perbezaan di antara Zionis dan Yahudi; jika ada, apa perbezaannya.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, memang benar, ada perbezaan antara Yahudi dan Zionis. Orang-orang Yahudi adalah orang-orang yang menganut agama Yahudi yang tidak terlibat dengan perasaan kebangsaan yang menyeluruh. Sebaliknya terdapat satu golongan daripada mereka yang dikenalkan sebagai "the lovers of Zion" iaitu mereka yang cinta kepada Zion dan mereka ini mempunyai pendirian bahawa apa sahaja boleh dibuat oleh mereka untuk kepentingan negara mereka. Walaupun mereka menjadi warganegara negara asing, mereka

masih lagi sanggup membuat tindakan untuk menjayakan negara yang dikasehi oleh mereka itu dan dalam tindakan-tindakan mereka ini mereka tidak mengambil kira kepentingan-kepentingan orang lain bahkan mereka sanggup membuat tindakan-tindakan yang amat kejam yang tidak kurang daripada kekejaman yang telah dilakukan kepada puak Yahudi yang tinggal di Nazi Germany di waktu perang dahulu.

LUTH—PENYELEWENGAN KEPADA JEMAAH HAJI

5. Tuan Haji Mohamed bin Haji Yaakob minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan sedar penyelewengan kepada Jemaah-jemaah Haji yang menunaikan Fardhu Haji yang mana ada Pegawai-pegawai tertentu memungut wang tambahan selain daripada peruntukan yang ditentukan oleh Tabung Haji dan apa tindakan yang akan dilakukan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdul Ajib bin Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar bahawa ada segolongan Jemaah Haji yang membuat aduan sama ada melalui akhbar atau secara surat kepada Tabung Haji bahawa ada pegawai Tabung Haji yang telah memungut wang tambahan dari mereka yang telah pergi ke Tanah Suci melalui Tabung Haji musim Haji lalu. Perkara yang dibangkitkan ini melibatkan satu kes spesifik, dengan izin, di mana salah seorang pegawai Tabung Haji telah ditubuh menyeleweng oleh kerana ada di antara Jemaah Haji kumpulan itu yang telah melaporkan perkara itu kepada Badan Pencegah Rasuah, maka perkara ini telah diserahkan kepada Badan tersebut untuk penyiasatan selanjutnya.

Bagi mengelakkan perkara itu daripada berlaku lagi pada masa-masa akan datang pegawai-pegawai Tabung

Haji di setiap peringkat telah dilarang untuk memungut bayaran-bayaran tambahan kepada wang naik haji yang telah ditetapkan oleh Tabung Haji iaitu \$5,000 seorang bagi Semenanjung Malaysia, \$5,500 seorang bagi negeri Sarawak dan \$5,700 seorang bagi negeri Sabah. Melainkan dibenarkan dengan khasnya melalui pekeliling pihak Tabung Haji sendiri. Di samping itu bakal-bakal Haji juga telah diingatkan bahawa sekiranya mereka sangsi terhadap sebarang bayaran yang dituntut mereka hendaklah terlebih dahulu mendapatkan pengesahan dari Ibu Pejabat Tabung Haji sebelum membuat apa-apa bayaran.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dahulu, bangun dahulu, baharulah bercakap, ya. Silakan.

Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, adakah pihak Kerajaan masih membenarkan ejen-ejen pelancong membawa Jemaah Haji ke Mekah. Kalau ya, apakah syarat-syarat ketat yang dikenakan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu tidak bersangkutan. Soalnya ialah penyelewengan kepada Jemaah-jemaah Haji daripada orang-orang yang dikatakan dari Tabung Haji.

KWSP—JUMLAH PELABURAN

6. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah amaun wang KWSP yang dilaburkan dalam berbagai bidang setakat 30hb September, 1986 dan apakah keuntungan/kerugian dalam setiap pelaburan tersebut dan langkah-langkah yang diambil untuk melindungi wang negara; nyatakan jumlah amaun wang setakat 30hb September, 1986 yang sedia ada dalam "suspense account" dan langkah-langkah yang diambil untuk membaiki

keadaan tersebut dan bagaimanakah KWSP memastikan semua pencaruman yang dibayar oleh majikan-majikan dibayar ke dalam akaun-akaun pekerja.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga akhir bulan September tahun ini jumlah pelaburan KWSP ialah sebanyak \$26,688 juta. Kegiatan-kegiatan pelaburan KWSP adalah dijalankan mengikut peruntukan-peruntukan di bawah seksyen 4 (2) Akta KWSP 1951. Mengikut peruntukan tersebut KWSP adalah dikehendaki melaburkan sekurang-kurangnya 70% daripada wang pelaburannya dalam surat-surat jaminan Kerajaan dan bakinya bolehlah dilaburkan di dalam berbagai-bagai jenis pelaburan lain, seperti pinjaman debenture, simpanan tetap, dengan izin, negotiable certificate of deposit, money market instruments dan lain-lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga pecahan pelaburan KWSP adalah seperti berikut: Surat jaminan Kerajaan \$22,165 juta, pinjaman debenture \$1,647 juta, pengurus-pengurus portfolio \$256 juta, ekuiti \$612 juta, simpanan tetap pasaran wang \$2,008 juta.

Sehingga akhir bulan September, 1986 KWSP mengalami kerugian nilai (paper loss) sebanyak \$89.4 juta atas pelaburan dalam saham-saham syarikat, iaitu akibat daripada kemerosotan nilai dalam pasaran saham dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat seterusnya, Panel Pelaburan KWSP telah menetapkan berbagai garis panduan bagi memastikan bahawa kegiatan-kegiatan pelaburannya dijalankan dengan teliti untuk menjamin pulangan yang maksima kepada pencarum-pencarum KWSP.

Sehingga 30hb September 1986, jumlah yang terdapat dalam "suspense account" atau "unpostable contributions" ialah sebanyak \$95.2 juta. Antara langkah-langkah yang sedang diambil oleh KWSP untuk memastikan bahawa semua caruman yang diterima olehnya dimasukkan ke dalam akaun ahli masing-masing adalah seperti berikut:

- (a) Mengambil tindakan menghadapi masalah "unpostable contributions". Untuk tujuan ini satu Pasukan Petugas telah ditubuhkan khusus untuk menyelesaikan masalah ini. Buat masa ini tumpuan Pasukan Petugas tersebut ialah ke atas golongan majikan-majikan yang mempunyai jumlah "unpostable contributions" yang tinggi.
- (b) Dari masa ke semasa KWSP menganjurkan taklimat-taklimat dan bengkel-bengkel kepada majikan-majikan dengan tujuan memberi penerangan yang mendalam mengenai urusan-urusan KWSP. Dalam taklimat-taklimat ini, penerangan yang lebih mendalam adalah diberi kepada majikan-majikan mengenai cara-cara untuk mengatasi masalah berhubung dengan "unpostable contributions" ini.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Wang KWSP adalah wang pekerja-pekerja dalam negeri kita dan pelaburan wang itu merupakan satu perkara yang serius dan penting.

Soalan saya yang pertama ialah sama ada benar bahawa pasaran saham-saham syarikat itu mungkin bukan satu bidang yang sesuai untuk pelaburan wang oleh kerana pasaran saham kadangkala menjadi pasaran

spekulasi dan tidak dapat mendatangkan keuntungan yang tetap.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak silap, tugas melabur wang KWSP adalah dijalankan oleh satu Lembaga atau satu Jawatankuasa khas, adakah sesiapa pemimpin-pemimpin daripada Kesatuan Sekerja yang telah dilantik untuk dimasuki dalam Jawatankuasa ini supaya menjaga kepentingan pekerja-pekerja itu.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi, hanya 30% sahaja wang simpanan itu boleh dilaburkan mengikut kebijaksanaan KWSP ataupun Panel Pelabur-pelabur ini, dan melabur di dalam saham-saham sebenarnya adalah juga satu perkara baik tetapi oleh sebab sekarang ini pasaran saham turun, maka terdapatlah sedikit kerugian. Sewaktu untung dahulu, pihak Pembangkang tidak pernah berterima kasih kepada pelabur-pelabur yang telah membuat keuntungan. Saya berharaplah mereka ini janganlah pandang hanya setahun dua ini, cuba teliti lima enam tahun sebelum ini yang mana kita telah banyak membuat keuntungan.

Berkenaan dengan (b) jawapannya, ada.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalnya bukanlah bahawa apabila untung, Parti Pembangkang tidak puji. Masalahnya ialah bukannya benar bahawa KWSP terhad untuk buat pelaburan kepada "trustee stock" selain daripada budibicara dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Kedua, bukannya benar bahawa keputusan atau kebenaran untuk melaburkan wang KWSP dalam trustee stock atau speculative stock dibuat barulah 2, 3 tahun ini dan akibat kerugian \$90 juta, satu angka

yang besar. Sungguhpun 2.3% sahaja daripada wang KWSP dilaburkan, tetapi ialah berjumlah \$612 juta, satu angka yang besar dan apa tindakan diambil supaya kerugian ini boleh dapat balik.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan yang di-Pertua, apabila saham naik esok, untung itu dapat balik.

KOPERATIVE MENGAMBIL WANG SIMPANAN (DEPOSIT-TAKING)— SIASATAN

7. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada hasil siasatan ke dalam 23 buah koperatif yang mengambil wang simpanan akan diumumkan kepada orang ramai dan kalau tidak, mengapa tindakan yang wajar dan lebih awal tidak diambil oleh Bank Negara Malaysia bila pegawai-pegawainya telah dipinjam kepada Jabatan Pembangunan Koperatif dan mulai siasatan mereka ke dalam koperatif-koperatif mulai tahun ini serta setelah menerima laporan permulaan oleh Jabatan Pembangunan koperatif (Co-operative Development) hujung tahun lalu untuk tindakan Bank Negara yang selanjutnya.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Tertinggi untuk mengkaji dan mencadangkan beberapa langkah untuk mengatasi masalah 24 koperasi yang kini dibekukan asetnya. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Timbalan Gabenor Bank Negara dan dianggotai oleh wakil-wakil daripada Jabatan Pembangunan Koperasi, Perbendaharaan dan juga Jabatan Peguam Negara serta enam orang penasihat yang dilantik dari sektor swasta. Jawatankuasa ini belum lagi selesai menjalankan kajiannya.

Mengenai kedudukan kewangan koperasi-koperasi ini, laporan penyiasatan akaunnya akan dikemukakan kepada pihak pengurusan koperasi-koperasi itu sendiri dan ahli-ahli koperasi berkenaan bolehlah mendapat butir-butir lanjut mengenai kedudukan kewangan koperasinya dari pihak pengurusan koperasi itu.

Mengenai kelewatan tindakan yang diambil oleh Bank Negara sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, sukalah saya menyatakan bahawa perkara ini tidaklah begitu benar kerana Peraturan-peraturan Perlu (Perlindungan kepada Pendeposit) 1986 hanya berkuatkuasa pada 23hb Julai, 1986. Tindakan membeku aset koperasi Belia Bersatu Berhad (KOSATU) telah dibuat pada 23hb Julai, 1986 dan 23 koperasi lagi pada 8hb Ogos, 1986. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Ordinan Bank Negara 1958 dan Akta Syarikat Kewangan 1969 tidak memberi kuasa kepada Bank Negara untuk membuat siasatan ke atas pertubuhan koperasi.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengatakan bahawa pihak koperasi yang sanggup membuat permohonan untuk membubarkan pembekuan ke atasnya boleh buat demikian. Jadi, apakah Yang Berhormat hendak buat untuk menyelesaikan masalah "the run" dan sebagainya dan adakah ini satu langkah di mana ada kecuaiian pertanggungjawapan kerana pada mulanya koperasi-koperasi ini dibekukan dan dua bulan selepas itu pass the buck. Tanggungjawab itu ditendang balik ke koperasi. Jadi maksud saya, Yang Amat Berhormat telah menawarkan kepada koperasi-koperasi yang tertentu untuk membuat permohonan supaya pembekuan ini dapat dibatalkan.

Timbalan Perdana Menteri (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tuan Yang di-Pertua, pada mulanya hanya satu dua sahaja koperasi yang ada "run" dan koperasi yang lain telah merasa kebimbangan. Untuk menyelamatkan koperasi-koperasi itu, Bank Negara telah mengambil tindakan untuk dibekukan semuanya sekali, tetapi pada waktu yang akhir ini banyak orang berkeliaran ke seluruh tanahair mencari modal politik dengan menuduh bahawa Kerajaan yang berniat hendak membekukan 24 buah koperasi itu. Maka dengan sebab itu, saya memberikan peluang kepada mereka itu, siapa-siapa yang berfikir koperasinya boleh dilepaskan dan bertanggungjawab dengan sepenuh kepada depositors, maka mereka bolehlah berbuat seperti itu.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah yang Berhormat Menteri sedar setengah-setengah penyimpan dalam koperasi yang dimaksudkan, iaitu 23 koperasi yang dimaksudkan, penyimpan-penyimpan itu sendiri tahu bahawa jika mereka tidak menjadi ahli, mereka tidak boleh membuat simpanan di koperasi tersebut. Jadi, apabila koperasi ini mengalami masalah, apa yang Kerajaan sibuk sangat untuk membantu setengah-setengah daripada mereka ini, sebab mereka menyimpan adalah di atas risiko individu itu sendiri dalam bidang perniagaan. Sekian.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, undang-undang membenarkan mereka yang tidak menjadi ahli pun boleh menyimpan wang dalam koperasi yang seperti itu. Itulah sebabnya ada cadangan pada masa yang akan datang, orang-orang yang bukan menjadi ahli koperasi tidak boleh menyimpan wang lagi supaya setiap orang ahli mengetahui dengan sepenuhnya perjalanan koperasi masing-masing dan kekacauan seperti yang berlaku

sekarang tidak akan timbul lagi. Oleh kerana penyimpan-penyimpan itu sebahagiannya terdiri daripada orang kecil yang miskin, maka dengan sebab itu terpaksa Kerajaan mengambil tindakan dan mencari ikhtiar bagaimana hendak menolong mereka itu.

KENAIKAN YURAN PENGGAJIAN DI LUAR NEGERI

8. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah dan tindakan Kerajaan supaya pelajar-pelajar Malaysia yang menuntut di institusi-institusi pelajaran tinggi di seberang laut tidak terjejas dalam pelajaran mereka akibat perubahan peraturan-peraturan dan dasar-dasar negara-negara berkenaan seperti Australia yang menaikkan yuran tuisyen dan mengenakan lain-lain syarat yang begitu ketat terhadap pelajar-pelajar asing sehingga menyusahkan mereka.

Tuan Haji Bujang Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang menyedari kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar Malaysia yang menuntut di luar negeri akibat daripada kenaikan yuran pengajian yang dikenakan oleh negara-negara asing. Dalam hal yang demikian, Kerajaan telahpun membuat rayuan kepada negara-negara berkenaan untuk menangguk dan mengurangkan kenaikan yuran pengajian supaya tidak membebankan pelajar-pelajar kita. Walau bagaimanapun, keputusan menaikkan yuran pengajian adalah hak mutlak Kerajaan negara-negara berkenaan dan kita tidak berupaya menghalangnya.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, satu negara yang baru-baru ini menaikkan yuran pengajian ialah Australia dan kita boleh mendapati laporan bahawa satu bahagian kecil

penuntut-penuntut di Australia itu terpaksa balik ke Malaysia oleh kerana mereka tidak mampu membayar yuran baru yang tinggi ini. Soalan saya ialah adakah Kerajaan membuat apa-apa tindakan untuk memberi bantuan kepada mereka itu dan jika ya, secara apa bentuknya supaya mereka yang sedang bersekolah di Australia itu tidak terpaksa balik ke Malaysia oleh kerana kenaikan yuran pengajian.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, ada dua golongan pelajar-pelajar di luar negeri. Pertama, ialah golongan pelajar-pelajar yang dianjurkan oleh pihak Kerajaan yang kita telah berusaha untuk membantu mereka dari segi kewangan dan sebagainya. Yang kedua, ialah golongan pelajar-pelajar yang pergi secara tersendiri dan apa yang boleh kita buat ialah kita menasihati mereka untuk mencari jalan yang mudah untuk menyelesaikan masalah ini, termasuklah memilih mungkin negeri-negeri lain yang mereka fikir adalah murah untuk meneruskan pelajaran mereka dan bagi pihak kita pun kita sangat mengambil berat atas keadaan ini.

Namun demikian, sebagaimana saya telah katakan tadi ini adalah hak mutlak Kerajaan-kerajaan itu sendiri. Misal kata, kalau saya boleh sebut usaha kita untuk berhubung dan merundingkan perkara ini di masa lepas ialah misal kata pada tahun 1985, bulan Mac, kita telah berbincang dengan pemimpin Australia melalui Menteri Pelajaran Australia dan kita diwakili oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran masa itu, iaitu Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi. Januari, 1986 kita juga telah berbincang melalui pemimpin wakil kita, iaitu Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi sebagai Menteri Pelajaran dan seterusnya juga baru-baru ini Perdana Menteri Malaysia kita sendiri telah pergi ke Australia

dan berbincang mengenai perkara ini dan ini membuktikan bahawa kita mengambil berat tentang perkara ini. Namun demikian, kita percaya bahawa ini ialah hak mereka dan kita berharap mereka akan dapat mempertimbangkan kehendak kita.

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan perbelanjaan pengajian tinggi di seberang laut semakin meningkat dan terdapat lebihkurang 20,000 pelajar Malaysia yang sedang mengikuti kursus ijazah pertama di luar negeri, berapakah tempat baru yang akan diwujudkan di universiti-universiti tempatan oleh Kementerian Pelajaran di bawah Rancangan Malaysia Kelima bagi menampung bilangan pelajar yang kian meningkat.

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa soalan itu tak bersangkutan dengan soalan asalnya.

Yang Berhormat Tuan P. Patto.

(Soalan No. 9 Y.B. Tuan P. Patto tidak hadir)

RAKYAT LAHIR DI MALAYSIA SEBAGAI BUMIPUTERA

10. Dr V. David minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau bersetuju menimbang semula taraf "rakyat" yang dilahirkan di Malaysia sebagai Bumiputera, tidak kira keturunan mereka, untuk menentukan keharmoniam berbilang kaum ke arah pembangunan negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah Gaddam): Tuan Yang di-Pertua, isitilah "rakyat" boleh diertikan sebagai warganegara Malaysia yang mendapatkan taraf kewarganegaraan di bawah Perkara-perkara berkenaan dalam

Perlembagaan Malaysia. Istilah ini tidak sama ertinya dengan istilah "Bumiputera".

Istilah "Bumiputera" tidak terdapat dalam peruntukan Bahagian Kewarganegaraan dalam Perlembagaan Malaysia. Dalam mempertimbangkan penganugerahan taraf kewarganegaraan kepada seseorang pemohon yang layak mengikut kehendak Perlembagaan Malaysia, istilah "Bumiputera" tidak diambil kira.

Dr V. David: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah beri penerangan atau definasi, siapa yang boleh mohon sebagai Bumiputera dalam negara kita?

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, dalam Perlembagaan kita, Perkara 161A (6) dan Perkara 160 telah menyatakan kelas-kelas orang Bumiputera dalam Perlembagaan kita.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidakkah Kerajaan mengambil usaha dan inisiatif untuk memberi penerangan kepada rakyat Malaysia tentang istilah "Bumiputera" supaya mereka memahami, lebih-lebih lagi seperti pemimpin-pemimpin parti DAP supaya mereka tidak menimbulkan isu ini berkali-kali di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, istilah "Bumiputera" adalah digubal untuk kepentingan Dasar Ekonomi Baru sahaja.

DASAR EKONOMI BARU— PENAMATAN

11. Dr V. David minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau akan menimbang penamatan Dasar Ekonomi Baru (NEP) dalam tahun 1990 tanpa sebarang lanjutan tempohnya, dan jika beliau sedar

bahawa Dasar Ekonomi Baru ini tidak memberi sebarang sumbangan kepada konsep Negara Malaysia Bersatu.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Siti Zahara binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat mengenai Dasar Ekonomi Baru telahpun dijawab oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir pada 8hb Oktober, 1986 di Dewan yang mulia ini iaitu, "Usaha-usaha mestilah diteruskan selepas tahun 1990 untuk menghapuskan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat bagi mencapai perpaduan negara".

Walau bagaimanapun, berhubung dengan soalan sama ada Dasar Ekonomi memberi sumbangan kepada Konsep Negara Malaysia bersatu, pada hemat saya angka-angka yang terkandung dalam dokumen Rancangan Malaysia Kelima jelas menggambarkan bahawa berbagai perbezaan ekonomi antara kaum telah berkurangan dan ini adalah petanda positif bahawa asas perpaduan kaum telah dapat kita bina.

Dalam konteks ini, saya ingin menegaskan bahawa hasrat dan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru mestilah dianggap sebagai satu usaha dan sumbangan positif ke arah matlamat perpaduan negara kerana langkah-langkah yang dilaksanakan adalah semata-mata bertujuan untuk mengurangkan ketidak seimbangan yang wujud di kalangan kaum. Oleh yang demikian, saya tidak bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat bahawa Dasar Ekonomi Baru tidak memberi sebarang sumbangan kepada Konsep Negara Malaysia Bersatu.

Dr V. David: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kerajaan selalu ada mengatakan mengenai menghapuskan kemiskinan. Bolehkah Yang Berhormat menjawab dalam Dewan ini bagaimana dan setakat berapa

peratus kita telah menghapuskan kemiskinan dan memperbaiki penyusunan masyarakat?

Dr Siti Zahara binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, mengenai angka yang melibatkan tentang penghapusan kemiskinan telahpun dibentangkan dalam penerangan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir dan kalau memerlukan angka yang lebih lanjut, saya perlu notis.

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN— PINDAAN

12. Dr Eng Seng Chai minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan menyarankan supaya suatu pindaan kepada Perkara 48 (1) (e) dalam Perlembagaan Persekutuan dibuat untuk mengharamkan seseorang yang sudah menerima penghukuman undang-undang di luar Negara Malaysia daripada layak menjadi seorang Ahli Parlimen Malaysia.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun): Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan ini telah dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 8hb Oktober, 1986. Saya tidak bercadang membuat apa-apa tambahan.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Saya mahu tanya sama ada Kerajaan pernah baru-baru ini membuat satu kajian mengenai perkara ini. Adakah pendirian Kerajaan bahawa kalau seorang rakyat Malaysia dituduh dan didapati salah di luar negeri atas apa-apa jenayah, jenayah yang jijik seperti bunuh orang atau samun atau apa-apa yang heinous dengan izin, dia pun boleh dibenarkan untuk menjadi Ahli Parlimen? Adakah ini kemahuan dan pendirian Kerajaan Barisan Nasional?

Dato' Oo Gin Sun: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya jawab tadi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menjawab pada 8hb Oktober, 1986.

Berkenaan lain-lain perkara, ini tidak berkait dengan soalan asal (*Ketawa*).

Tuan Lim Kit Siang: "Parrot" mahu jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya rasa cukuplah dengan kerana.

Tuan Lim Kit Siang: Timbalan Menteri untuk parrot!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang.

MAMINCO—SYARIKAT MEMBELI BIJIH TIMAH

13. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada MAMINCO adalah sebuah jabatan Kerajaan seperti tersenarai dalam Buku Panduan Telefon tahun 1985; ataupun ia adalah sebuah syarikat swasta dengan modal berbayar sebanyak \$2; dan sama ada benar MAMINCO merupakan alat yang digunakan dalam operasi membeli bijih timah secara misteri di London dalam tahun 1981/1982, dan nyatakan kerugian yang ditanggung oleh Kerajaan Malaysia secara langsung atau tak langsung dalam operasi tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, MAMINCO bukan sebuah Jabatan Kerajaan tetapi adalah sebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat dalam bulan Jun 1981. Mengenai sama ada MAMINCO adalah alat yang digunakan dalam operasi membeli bijih timah dan kerugian yang dialami, satu kenyataan penuh—saya ulangi, satu kenyataan

penuh akan dibuat mengenainya dalam sidang Parlimen ini tidak berapa lama lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana selalu kenyataan penuh Kerajaan tidak penuh, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab:

- (i) adakah operasi ini di mana agen operasi ini ialah seorang Yahudi, Egypt's David Zaidner, sebab itu operasi ini merupakan satu sabotaj ekonomi oleh komplot Zionis yang ada disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini; dan
- (ii) bahawa adakah operasi ini mengakibatkan kejatuhan pasaran timah antarabangsa dalam bulan Oktober tahun lalu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya kata Yang Berhormat dari Tanjong tak faham Bahasa Malaysia tak patut, tetapi saya sudah katakan kita akan membuat kenyataan yang penuh di dalam Dewan ini tak berapa lama lagi. Jadi, saya tidak mahu jawablah buat sementara ini dahulu.

Tuan Lim Kit Siang: Sekarang soalnya. Soalan sekarang, jawab. Bukan soalan nanti—soalan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya rasa mengikut Peraturan Mesyuarat kalau satu-satu soalan Yang Berhormat—Yang Berhormat Menteri boleh tak mahu menjawab mengikut Peraturan Mesyuarat (*Tepuk*).

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyuarakan soalan saya, saya ingin membangkitkan satu soalan berkaitan dengan soalan-soalan yang telah diatur pada tiap-tiap hari.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh, tidak dibenarkan.

Tuan S. S. Subramaniam: Tidak boleh? Oleh kerana pada pandangan saya tiap-tiap hari soalan saya sampai ke bawah, Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan dengan soalan Yang Berhormat.

Tuan S. S. Subramaniam: Kalau begitu, Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke 14.

KELAYAKAN MASUK UNIVERSITI BAGI PELAJAR-PELAJAR

14. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah kelayakan asas yang digunakan oleh setiap universiti di negara kita untuk mengambil penuntut-penuntut daripada keturunan kaum Cina dan India dan apakah perbezaan kelayakan ini jika dibandingkan untuk masuk oleh murid-murid daripada keturunan kaum Melayu. Adakah benar untuk tahun 1986 kelayakan yang digunakan untuk masuk oleh murid-murid yang bukan bumiputera telah dinaikkan. Jika benar, sebab apa dinaikkan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya pun sedih juga menengokkan jawapan yang disediakan, saya terpaksa jawab di akhir giliran. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelayakan asas yang digunakan dalam pemilihan untuk memasuki universiti tempatan adalah berdasarkan merit pencapaian pelajar-pelajar dalam peperiksaan STPM. Adalah tidak benar kelayakan untuk memasuki universiti tahun 1986 bagi murid-murid bukan bumiputera dinaikkan.

**SEKOLAH RENDAH CINA
SEBERANG JAYA,
BUTTERWORTH**

15. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Pelajaran menyatakan bila dan lokasi yang tepat sebuah sekolah rendah Cina di Seberang Jaya, Butterworth akan didirikan seperti yang telah dijanjikan oleh Menteri Pelajaran semasa Pilihanraya 1986 dahulu.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya apa yang Yang Berhormat Menteri Pelajaran nyatakan ialah sekiranya pihak penduduk tempatan berhasrat untuk membina Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) di Seberang Jaya, Jawatankuasa yang berkenaan hendaklah berusaha untuk mendapatkan tanah dan seterusnya berbincang dengan Jabatan Pelajaran Negeri mengikut saluran-saluran biasa.

**DEWAN NEGARA—
MEMANSUHKAN**

16. Tuan R. Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan sama ada cadangan untuk memansuhkan Dewan Negara akan dikemukakan kerana ianya merupakan suatu beban kepada negara dan bukan sebaliknya.

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk memansuhkan Dewan Negara dan adalah ditegaskan bahawa Kerajaan tidak menganggap Dewan tersebut sebagai suatu beban.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri apakah asas kelayakan dan perlantikan seorang Ahli Dewan Negara? Saya berpendapat sekarang Dewan Negara dianggap sebagai satu rumah pesara sahaja di mana orang-orang yang tewas dalam pilihanraya dihantar

kepada Dewan Negara sebagai seorang ahli. Bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan beri penjelasan apakah asas kelayakan dan perlantikan?

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, dalam perlantikan Ahli Dewan Negara, Kerajaan Negeri boleh melantik 2 orang daripada tiap-tiap satu Kerajaan Negeri. Yang lainnya adalah dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, nampaknya Kerajaan tidak akan memansuhkan Dewan Negara, tetapi adakah Kerajaan bercadang untuk menggunakan peruntukan dalam Perkara 45 (4) (b) dalam Perlembagaan yang berbunyi:

“Parlimen boleh dengan undang-undang—

(b) membuat peruntukan supaya ahli-ahli yang akan dipilih bagi tiap-tiap satu Negeri dipilih dengan undi terus oleh pemilih-pemilih Negeri itu.”

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini proses pemilihan Ahli-ahli Dewan Negara adalah memuaskan dan tidak ada cadangan untuk meminda peraturan yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Kita berbalik kepada soalan No. 9 sekarang. Yang Berhormat Tuan P. Patto.

**PEKERJA LOMBONG YANG
DIBERHENTIKAN**

9. Tuan P. Patto minta Menteri Buruh menyatakan:

(a) jumlah bilangan pekerja-pekerja lombong yang telah diberhentikan kerja dalam setiap tahun sejak 1981 dan sehingga bulan September 1986;

- (b) langkah-langkah yang diambil oleh Menteriannya untuk memastikan bahawa pekerja-pekerja yang telah diberhentikan kerja dibayar dengan penuh segala faedah yang mereka berhak menerima menurut Akta Penggajian (Employment Act); dan
- (c) langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membantu pekerja-pekerja yang telah dibuang kerja mencari pekerjaan atau membolehkan mereka mencari nafkah supaya hidup dengan sempurna dan bilangan pekerja kategori ini yang telah menikmati faedah daripada langkah-langkah ini.

Menteri Buruh (Dato' Lee Kim Sai):

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukalah saya memaklumkan bahawa Undang-undang buruh tidak mewajibkan majikan melaporkan ke Kementerian saya apabila berlaku pemberhentian pekerja-pekerja. Oleh itu data lengkap mengenai jumlah pekerja-pekerja yang diberhentikan tidak dapat disediakan secara menyeluruh. Namun demikian mengikut rekod-rekod Kementerian saya, jumlah pekerja-pekerja lombong yang diketahui telah diberhentikan kerja dari tahun 1981 sehingga September 1986 adalah seperti berikut:

1981.. .. .	369 orang
1982.. .. .	4,480 ..
1983.. .. .	1,940 ..
1984.. .. .	1,275 ..
1985.. .. .	3,761 ..
1986.. .. .	1,589 ..
(hingga September)	

Berhubung dengan langkah-langkah yang dialami oleh Kerajaan, saya menyatakan bahawa di bawah Akta Kerja, 1955, Kementerian saya

melalui Jabatan buruh memastikan bahawa pekerja-pekerja yang diberhentikan itu mendapat semua faedah yang mereka layak di bawah undang-undang seperti berikut:

- bayaran faedah rentikerja;
- gaji ganti notis sekiranya notis teratur tidak diberi;
- gaji ganti cuti tahunan jika cuti tahunan itu tidak dibenarkan.

Kementerian saya juga bertindak menentukan bahawa pemberhentian kerja adalah atas sebab-sebab munasabah dan hanya dilakukan sebagai langkah terakhir.

Di antara langkah-langkah Kerajaan untuk membantu pekerja-pekerja yang telah diberhentikan kerja, adalah membantu mereka yang berdaftar dengan Pejabat-pejabat Pekerjaan di bawah Kementerian saya, ditempatkan ke peluang pekerjaan lain berdasarkan kepada kelayakan, kebolehan dan minat.

Di samping itu, bagi mereka yang berminat untuk mencebur diri dalam perniagaan kecil atau menjaja, Pihak Berkuasa Tempatan adalah diminta untuk memberi lesen penjaja kepada pemohon-pemohon dari kalangan yang diberhentikan kerja.

Kerajaan-kerajaan Negeri juga diminta menyediakan tanah-tanah yang sesuai bagi pertanian kepada mereka yang berminat untuk bercucuk tanam.

Mengenai bilangan pekerja-pekerja yang telah menikmati bantuan daripada Pihak Berkuasa Negeri ataupun Tempatan adalah seperti berikut:

- (i) 90 orang bekas pekerja lombong telah diberi kebenaran oleh bekas majikan mereka untuk mengusahakan tanah lombong seluas 243 ekar untuk tujuan pertanian dengan kerjasama dan kebenaran Pejabat Tanah Negeri Perak.

- (ii) 22 orang bekas pekerja lombong telah diberi kebenaran untuk menggunakan 50 ekar kolam lombong untuk memelihara ikan air tawar.
- (iii) Seramai 155 orang bekas pekerja lombong telah memohon dan 33 orang daripadanya telah mendapatkan lesen menjaja di kawasan Majlis Perbendaharaan Ipoh.

Di samping itu, Kementerian saya juga telah memberi latihan dalam beberapa ketukangan perindustrian kecil kepada seramai 147 orang pekerja yang telah diberhentikan itu. Ini tidak termasuk orang-orang yang telah diberi latihan oleh lain-lain agensi Kerajaan dan swasta.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Menteri Buruh sedar di dalam kes-kes tuntutan penganggur yang dibuang oleh pelombong maka dalam kes tuntutan ini dibawa kepada pegawai-pegawai Jabatan Buruh dan adalah kes yang dihantar kepada Mahkamah Buruh selalunya diberi penangguhan kes ini dibicarakan. Apakah tindakan Kementerian Buruh untuk mengelakkan perbuatan sebegini dan adakah apa-apa tindakan untuk menggalakkan pembayaran tuntutan dengan secepatnya?

Dato' Lee Kim Sai: Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengatakan tadi Kementerian saya sentiasa memastikan faedah yang berkenaan dibayar mengikut sisi undang-undang. Mengikut rekod Jabatan Buruh selama ini, sebanyak \$13 juta telah dibayar kepada pekerja-pekerja yang telah diberhentikan kerja dan angka ini menunjukkan majikan yang berkenaan telah membayar dengan cara yang teratur dan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat yang berkenaan barangkali setengah pembayaran itu tidak dapat dibayar mengikut persetujuan di antara

majikan dan pihak pekerja. Kalau tidak dapat persetujuan itu, perkara itu sentiasa dirujukan kepada Mahkamah Perusahaan dan Mahkamah Perusahaan akan membuat keputusan mengikut susunan atau giliran kes-kes yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Ketujuh”. (9hb Oktober 1986).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum kita mulakan, saya hendak memberi tahu iaitu oleh sebab masa kita sangat singkat di atas perbahasan Titah Ucapan Di Raja yang akan disambungkan hingga hari Isnin, 13hb Oktober sahaja, oleh itu saya mintalah

untuk membolehkan ramai ahli-ahli yang hendak berucap, tiap-tiap ahli berucap setakat 15 minit sahaja.

Saya minta disambungkan perbincangan kelmarin.

4.03 ptg.

Tuan Tieu Sung Seng (Sibu): Tuan Yang di-Pertua, saya sokong dengan sepenuh-penuhnya pendirian Perdana Menteri kita terhadap dua penjenayah Australia yang telah digantung mati, kerana ramai anak tempatan kita yang bersalah di bawah undang-undang yang sama pun telah digantung mati tanpa teriakan. Di sisi undang-undang semua orang berhak bersama, tetapi kenapa dua penjenayah itu di kecualikan? Kenapa kita perlu berunding dengan Kerajaan Australia sebelum kita menjalankan undang-undang negara kita? Malaysia adalah sebuah negara yang berdaulat. Semua orang yang berada di negara kita sama ada mereka itu berkulit putih, berkulit hitam atau berkulit kuning mestilah patuh kepada semua peraturan dan undang-undang negara kita. Kita mestilah bersatu-padu untuk mempertahankan maruah dan kedaulatan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah senapang patah di Sarawak, pemilik-pemilik senjata api tersebut telah diminta menyerahkan balik senjata-senjata berkenaan sejak awal tahun 1960an. Memandangkan kegiatan-kegiatan komunis di Sarawak pada ketika ini hampir 99% telah dapat dibanteraskan, maka adalah wajar bagi Kerajaan mempertimbangkan untuk membalikkan senjata-senjata berkenaan kepada pemilik-pemilik yang berkaitan, terutamanya kepada petani-petani yang kebun-kebun mereka selalu dirosakkan oleh binatang buas.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Yang Berhormat-Yang Berhormat sedia maklum, Sarawak merupakan

salah sebuah negeri yang masih mundur dari segi pengangkutan, khasnya jalanraya yang menghubungkan Kuching, Sibu, Miri dan sempadan dengan negeri Sabah. Walaupun jika tidak silap saya, Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab untuk menurap (Tarring) jalan-jalan berkenaan, sehingga kini cara pengangkutan utama di Sarawak masih melalui air dan udara.

Tuan Zubir bin Embong: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Kuala Terengganu bangun hendak apa?

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, kelmarin Yang Berhormat dari Sibu berjanji hanya hendak bercakap seminit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, seminit sahaja, saya pun ingat. Sekarang ini dia balik, dia tambah (*Ketawa*). Jadi mintalah jangan cakap panjang sangat.

Tuan Tieu Sung Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya belum habis satu minit (*Ketawa*). Saya minta satu minit lagi jadi dua minit (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Jam-jam kita ini lain-lain belaka.

Tuan Tieu Sung Seng: Minta tolong Yang Berhormat-Yang Berhormat jangan ganggu supaya saya boleh cepat menghabiskan ucapan saya. Dengan ini saya amat berharap agar Kerajaan dapat menambahkan peruntukan untuk memperbaiki keadaan sistem jalan yang agak mundur di Sarawak supaya trunk road dari Kuching, Sibu, Miri dan sempadan dengan Sabah dapat diperbaiki dan lebih banyak, dengan izin, feeder roads dapat dibina.

Tuan Yang di-Pertua, masalah baja bukan satu masalah yang baru di kalangan pekebun-pekebun atau petani-petani di Sarawak. Masalah

yang saya maksudkan ialah masalah berkaitan dengan baja yang diimport dan baja tempatan. Baja yang diimport adalah lebih mahal dari baja-baja tempatan. Di sebaliknya baja tempatan ini pula didapati kurang berkesan daripada baja-baja yang diimport. Ini menyebabkan penggunaan-pengguna iaitu pekebun-pekebun atau petani-petani terpaksa menggunakan baja yang diimport dengan harga yang lebih mahal. Jika Kerajaan ingin menggalakkan penggunaan barang-barang buatan tempatan, Kerajaan sepatutnya mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya, misalnya meninggikan kualitinya.

Dalam konteks masalah berkaitan dengan keberkesanan baja-baja buatan tempatan ini, Kerajaan perlu mengambil tindakan untuk memastikan yang baja-baja ini dapat menandingi keberkesanan baja-baja yang diimport. Kerajaan juga sepatutnya mempertimbangkan untuk mengurangkan cukai ke atas baja-baja yang diimport atau memberi subsidi kepada pekebun-pekebun atau petani-petani yang terlibat sebagai salah satu langkah mengatasi masalah itu.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai corak taburan universiti-universiti di negara ini. Seperti mana Yang Berhormat-Yang Berhormat sedia maklum, negara kita sekarang telahpun mempunyai 7 buah universiti, dua terletak di utara, empat di kawasan tengah dan sebuah di selatan Semenanjung. Dengan ini saya berpendapat bahawa telah tiba masanya untuk Kerajaan mempertimbangkan kemungkinan mendirikan sebuah universiti di Sarawak untuk merapatkan lagi integrasi di antara timur dan semenanjung Malaysia, walaupun pada ketika ini terdapat Cawangan

Universiti Pertanian yang terletak di Bintulu yang khas untuk kursus pertanian sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan tindakan Kerajaan untuk menarik pelabur-pelabur asing melalui kelonggaran cukai dan syarat-syarat dan sebagainya, perlu juga diingatkan bahawa kepentingan pelabur-pelabur tempatan kita tidak diketepikan. Seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menarik pelabur-pelabur asing supaya melabur di negara ini patut diberi sepenuh sokongan. Namun demikian, perlu diingatkan yang usaha-usaha kita untuk menggalakkan pelabur-pelabur asing melabur di negara ini tidak memaksa pelabur-pelabur tempatan kita terpaksa melabur di negara-negara asing pula.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Yang Berhormat-Yang Berhormat bahawa ketika ini.

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat sebentar.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, siapa yang berkuasa di Dewan ini, Tuan Speaker atau Ahli Yang Berhormat dari Sibu? Kelmarin Yang Berhormat dari Sibu memberi tahu kepada Tuan Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, semalam saya faham kata satu minit.

Tuan R. Karpal Singh: Sudah dapat satu minit lagi, Tuan Speaker, tadi.

Timbalan yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Bolehkah ringkaskan?

Tuan R. Karpal Singh: Bukan ringkaskan, tamatkan. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sila duduk! Yang Berhormat, sila.

Tuan Tieu Sung Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat yang ketika ini terdapat terlalu banyak red-tape, dengan izin, di kebanyakan Jabatan-jabatan Kerajaan. Ini telah menimbulkan banyak perasaan tidak puas hati atau anti-Kerajaan di kalangan rakyat ramai. Masalah ini tidak boleh dibiarkan begitu sahaja. Kerajaan seharusnya berusaha untuk memberi panduan-panduan tertentu kepada setiap Kementerian atau Jabatan Kerajaan untuk mengatasi masalah yang pada pendapat saya agak berat ini. Sebagai contohnya di Sarawak tidak terdapat dua jenis permohonan untuk melawat negeri China. Pertama, permohonan dari mereka yang ingin melawat saudaramara dan kedua permohonan dari mereka yang ingin melancong yang berumur lebih dari 60 tahun. Permohonan jenis pertama diproses oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri di Kuala Lumpur dan memakan masa lebih setahun. Kadangkala apabila permohonan telah diluluskan yang memohon didapati telah meninggal dunia.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat sila akhiri.

Tuan Tieu Sung Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menyokong usul yang dibentangkan di persidangan ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kok Lanas.

4.11 ptg.

Dato' Abdullah Ahmad (Kok Lanas): Tuan Yang di-Pertua, saya sukacita menyokong dan menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Seri

Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan ini pada hari Selasa yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu sama ada ucapan saya ini adalah satu ucapan dara atau, dengan izin, maiden atau ucapan anak teruna tua. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, saya pernah menjadi Ahli Dewan yang mulia ini dalam tahun 1970an iaitu dalam Parlimen Yang Keempat.

Saya bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana dengan izin, dan hidayatNya saya dapat kembali di dalam Dewan yang mulia ini.

Dalam Titahnya, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah bertitah tentang perlu dan mustahaknya kita mengekal dan mempertahankan tradisi parliamentary democracy ataupun demokrasi berparlimen dalam negara yang tercinta ini. Kita semua dalam Dewan ini bertanggungjawab untuk memberi sumbangan sebaik mungkin agar parliamentary democracy bukan sahaja kekal bahkan berkembang terus.

Kita di sini mewakili pengundi-pengundi yang menjadi anggota negara kita. Kita dan merekalah yang menjadikan negara ini atau, dengan izin, make up our nation. Kita harus mewakili mereka dengan cara yang paling berkesan sekali semoga rakyat semua bangsa terlindung dan tidak siapa pun antara mereka terasa menjadi mangsa ketidakadilan atau dengan izin, injustice. Matlamat awal kita ialah untuk menjadi ahli Dewan ini. Setelah kita dipilih maka kita telah mempunyai satu kontrak dengan rakyat dan pengundi-pengundi kita iaitu satu kontrak yang penting iaitu untuk memberi perkhidmatan sebaik mungkin kepada mereka. Kemenangan kita bukanlah satu tiket untuk bersenang lenang atau satu peluang untuk menaiki atau memanjat

tingga politik ke arah mercu politik atau jawatan politik yang tinggi dengan memainkan peranan sebagai, dengan izin, deaf and dumb tuli dan bisu. Satu bangsa, satu rakyat yang kecewa, satu rakyat yang tidak puas hati adalah segolongan manusia yang akan membahayakan negara kita dan di sinilah kewajipan kita sebagai ahli Dewan yang mulia ini dan di sinilah kewajipan kita terhadap negara dan pengundi kita bertemu atau berserentak. Kita mesti menghindari berlakunya perasaan tidak puas hati ini.

Telah diperkatakan kononnya perasaan Parlimen telah berkurangan. Ahli-ahli Dewan atau MPs dituduh sebagai satu golongan yang tidak menjalankan tugas mereka dengan serius. Dikatakan juga kualiti, mutu perbincangan dalam House ini, dengan izin, atau dalam Dewan ini telah jatuh dan standardnya amat rendah. Kalau semua ini benar maka kita semua harus bersama-sama menghadapi cabaran dan mengembalikan parliamentary democracy ke tahap yang wujud dahulu atau ke tahap yang lebih tinggi lagi dari apa yang telah wujud di negara kita ini atau seperti apa yang dikatakan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong iaitu untuk melindungi dan untuk mempertahankan parliamentary democracy.

Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong telah bertitah seperti berikut "jadikanlah Dewan yang mulia ini sebagai satu forum untuk mendapatkan persetujuan atau consensus." Untuk menjalankan tugas kita sebagai mewakili rakyat yang berkesan tidak bermakna kita mesti sentiasa mengkritik dan membuat demikian secara dramatik.

Sesungguhnya ada masanya dan tempatnya kita membuat kritik-kritik yang membina, begitu juga kita ada

tempat dan masanya untuk, dengan izin, constructive engagement yang akan membawa consensus untuk melaksanakan tugas yang dikehendaki oleh rakyat dan negara kita.

Sesungguhnya peranan kita sebagai ahli Dewan Rakyat bukanlah untuk tidak mencadangkan apa-apa atau membangkang semua perkara, apa lagi bertujuan untuk menjatuhkan Kerajaan.

Sehubungan ini, saya agak terganggu sedikit oleh ucapan Ketua Pembangkang atau Ahli Yang Berhormat dari Tanjong pada hari Rabu lepas. Saya harap Yang Berhormat janganlah salah faham. Bukan kerana saya takut atas desakan dan gesaannya supaya saya ditahan kerana membuat ucapan di Singapura. Yang nampaknya dia tidak bersetuju sungguhpun dia bersetuju secara qualified setengah-setengah tempat. Saya tidak akan merendah diri saya begitu rendah ke tarafnya untuk mendesak agar sahabat saya Ketua Pembangkang ditahan kerana membuat ucapan-ucapan yang saya tidak bersetuju. Sesungguhnya sungguhpun.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, dia minta jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak pernah kata di Dewan yang mulia ini ataupun mengesyor supaya Yang Berhormat dari Kok Lanas ini ditahan. Apa yang saya kata kalau ada lain-lain orang buat cadangan atau ucapan serupa Yang Berhormat dari Kok Lanas, itu mungkinlah dia sudah ditahan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila teruskan.

Dato' Abdullah Ahmad: Kalau begitu baguslah, terima kasih. Saya tidak akan mengganggunya. . . .

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Minta penjelasankah atau apa?

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan, Tuan Speaker, bukan on a point of order. Tuan Speaker, Yang Berhormat dari Kok Lanas ada buat ucapan di Singapura pada 30hb Ogos tahun ini. Bukan takut tidak buat di sini, buat di sana. Adakah Yang Berhormat dari Kok Lanas berani buat ucapan serupa yang ada dibuat di Singapura di negara ini. Boleh? Di luar Dewan dan juga di dalam Dewan ini oleh kerana.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Jangan keluarkan cabaran.

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan atas apa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ini bukan pejelasan, ini satu cabaran.

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan dan cabaran, sila dapat penjelasan, Tuan Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sila duduk! Yang Berhormat boleh sambung.

Dato' Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya tidak akan merendah diri saya untuk membencinya ataupun melebelkannya. Katanya saya pernah menjadi seorang pro-komunis. Apa harus saya panggil Ketua Pembangkang kita ini.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak berkata bahawa Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas seorang pro-komunis. Saya kata bahawa IGP pernah berkata

bahawa Yang Berhormat dari Kok Lanas seorang pro-komunis. Sama ada Yang Berhormat dari Kok Lanas pro-komunis atau bukan, saya tidak tahu. Saya tanya Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas untuk menjelaskan sendiri (*Tepuk*).

Dato' Abdullah Ahmad: Terima kasih. Saya akan menjelaskan. Tetapi Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah mengatakan saya pro-komunis, tetapi setelah dengar penjelasan itu memberi saya peluang untuk membuat penjelasan berkenaan dengan itu. Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah mengatakan saya pro-komunis berdasarkan kepada perjalanan undang-undang yang diberi, yang dia sendiri bangkang iaitu ISA. Saya telah menjadi mangsa penyalahgunaan undang-undang itu. Ahli Yang Berhormat sendiri juga pernah menjadi mangsa undang-undang itu. Jika saya tidak silap, Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa juga pernah menjadi mangsa penyalahgunaan undang-undang itu. Begitu juga dengan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam dan juga Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh dan juga Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas.

Pada hari Rabu yang lepas dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sebentar.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat dari Kok Lanas ada berucap beliau jadi mangsa Akta Keselamatan Dalam Negeri. Adakah Yang Berhormat berani bagi nasihat kepada Barisan Nasional untuk hapuskan Akta Keselamatan Dalam Negeri terus?

Dato' Abdullah Ahmad: Pada hari Rabu yang lepas, dalam Dewan yang mulia ini, Ketua Pembangkang telah,

dengan izin, abused saya, kecam saya, menghina saya, kerana saya telah menjadi mangsa dan menanggung azab sengsara kerana penyalahgunaan undang-undang itu. Saya tidak akan memohon Dewan ini untuk kasihan belas terhadap saya. Tetapi saya tidak mahu diperhinakan oleh mana-mana pihak atau dari sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Tanjong yang bersikap, dengan izin.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bagi jalan?

Dato' Abdullah Ahmad: Tidak beri. I have been tolerant.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sila duduk!

Dato' Abdullah Ahmad: . . . yang bersikap, dengan izin, twisted Machiavellian kerana Yang Berhormat ini seorang kenalan lama saya, yang mempunyai pengetahuan yang banyak dan baik dan kalau saya tidak kata pun.

Tuan Lim Kit Siang: On a point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Point of order.

Tuan Lim Kit Siang: Saya hendak tahu sama ada perkataan Machiavellian parliamentary atau unparliamentary yang digunakan terhadap seorang ahli yang lain. Kalau parliamentary, saya akan guna dalam Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya rasa boleh digunakan. Sambung.

Dato' Abdullah Ahmad: Terima kasih. I am too tolerant. Dan kalau saya tidak kata pun, sahabat saya dari Tanjong ini akan mengatakan dia tahu semua hal. Pada realitinya dia akan

menggunakan segala trick atau muslihat perbahasan, segala trick politik untuk keuntungan politik padanya dan partinya.

Pada hari Jumaat yang mulia ini, saya menegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa dengan nama Allah, saya tidak pernah menjadi seorang komunis, saya tidak pernah menjadi seorang pro-komunis dan saya tidak akan menjadi seorang komunis (*Tepuk*).

Pucuk pimpinan negara yang tertinggi sedar hakikat ini. Kalau tidak, masakan saya dibebaskan dari tahanan? Saya tidak bercadang untuk berkata lebih dari ini. Saya tidak bercadang untuk membuka kudis yang telah baik. Tetapi kalau yang Berhormat Ketua Pembangkang benar-benar ingin mengetahuinya, saya syorkan dia bertanya kepada kuasa tertinggi di negara kita ini.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Adakah beri jalan? Saya mengingatkan Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Kok Lanas cuma ada lima minit sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Itu injury time (*Ketawa*). Bagi balik kepada Yang Berhormat dari Kok Lanas. Tadi Yang Berhormat dari Kok Lanas berkata dia bukan seorang komunis dan bukan seorang pro-komunis. Tetapi soalan saya ialah adakah apa beliau kata dalam konfesyennya melalui televisyen benar atau tidak benar? Itu bukan sahaja kita mahu tahu tetapi rakyat jelata mahu tahu, adakah beliau ada diseksa, brain-washed sehingga beliau hilang kemahuan sendirian?

Dato' Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang hendak berkata lebih daripada apa yang saya telah perkatkan. And with your permission, I need only to say

that I was under heavy pressure. And I would not want to reopen old wound or rather revive it.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila gunakan Bahasa Kebangsaan.

Dato' Abdullah Ahmad: Saya telah minta izin.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Janganlah panjang-panjang begitu.

Dato' Abdullah Ahmad: Maaf. Kalau begitu, saya terjemahkan ucapan saya. Saya tidak bercadang berkata lebih.

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, adakah bagi jalan?

Dato' Abdullah Ahmad: Maaf.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dia tidak ada banyak masa. Sila duduk!

Dato' Abdullah Ahmad: Yang Berhormat sahabat saya dari Tanjong telah membuat tuduhan-tuduhan berkenaan, dengan izin, crisis of confidence atau krisis keyakinan. Seharusnya beliau patut menolong, jika wujud krisis yang dikatakan ada itu, menghapuskannya, bukan sebaliknya atau membesarkan perkara kalau pun mungkin wujud sedikit sebanyak. Kalau krisis ini wujud dan turut diperbesarkan, siapakah yang akan menjadi mangsa krisis ini? Tidakkah rakyat negara yang didakwa diwakili oleh parti Pembangkang dalam satu putarbelit analisisnya berkenaan dengan keputusan-keputusan Pilihanraya Umum bulan Ogos lepas? Saya bertanya, dengan izin, does he care about all this atau pedulikah ia sebenarnya? Alas! tidak, kerana ia akan mewujudkan apa yang tidak wujud dan kalau ada sedikit

sebanyak wujud akan diperbesarkan untuk mencari keuntungan politik bagi diri dan partinya. Saya pun tidak tahu di mana dia mengambil angka-angka, dengan izin, assertion atau assersi dan separuh kebenaran atau, dengan izin, half-truths untuk menyokong dan membenarkan dakwaannya. Saya rasa dia mengambil data-data ini dari foreign press secara eksklusif dari akhbar-akhbar dan majallah luar negeri. Tidakkah Yang Berhormat Ketua Pembangkang kita ini mempunyai kebanggaan atau maruah atau, dengan izin, national pride?

Tuan Lim Kit Siang: Bahawa punca data-data saya tentulah tidak benar, tidak berasas. Tuan Yang di-Pertua, itu bukanlah tindakan seorang veteran. Itu improper motive, tidak berasas. Sebenarnya bohong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya tidak terima itu. Sambung.

Dato' Abdullah Ahmad: Adakah sahabat saya dari Tanjong ini mewakili pengundi-pengundinya atau golongan-golongan yang tertentu yang tidak ada kena-mengena atau yang asing atau alien kepada mereka? Negara ini tidak memerlukan seorang anggota Dewan yang bersifat demikian atau yang tidak bertanggungjawab. Kita mahu anggota-anggota Dewan yang sedia berkhidmat untuk pengundinya dan negara dan bukanlah untuk golongan-golongan yang tertentu sahaja.

Jangan salah faham, kritiklah jika perlu Kerajaan atau Eksekutif—kritik, kecam jika didapati wajar berbuat demikian tetapi kita harus pula berbuat demikian dengan niat yang jujur untuk menolong melalui kritikan kita itu menjadikan negara ini lebih baik, bukan untuk menjadikan negara ini lebih buruk. Keutamaan kita sekarang ini ialah untuk memandu negara kita keluar dari, dengan izin, economic recession, atau kelembapan

ekonomi dan untuk meyakini atau kembalikan kepercayaan pelabur asing dan dalam negara.

Ketua Pembangkang dan pihak Kerajaan harus bekerjasama ke arah ini dan janganlah sekali-kali membuat sebarang tindakan atau melafazkan apa yang boleh memburukkan lagi keadaan yang kita hadapi sekarang ini. Dan keadaan ini akan menjadi buruk jika perkara-perkara yang telah selesai yang telah menjadi, dengan izin, sacrosant social contract, diungkit-ungkit setiap kali berucap dan berbahas, begitu juga, dengan izin, economic arrangements atau susunan ekonomi yang telah kita persetujui.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, cuba akhiri ucapan.

Dato' Abdullah Ahmad: Satu minit lagi. Terima kasih, sebab banyak interruptions, injury time please! Sesungguhnya setakat ini, sebelum ini kita tidak pernah berkeadaan begini. Dalam lain perkataan, kerana itulah saya membuat ucapan yang masyhur atau, dengan izin, infamous di Singapura.

Ucapan saya itu hanya bertujuan untuk memberi peringatan dengan terang, jelas dan tegas agar kita kembali ke atas landasan yang telah menjadi asas induk negara kita ini. Seperti "keretapi" yang telah terbalik dari landasan maka bersama-samalah kita berusaha meletakkan "keretapi" itu ke atas landasannya semula dan bersama-samalah kita memandunya ke arah kesejahteraan, jika kita ingin melihat negara kita yang tercinta ini maju dan berkembang pesat. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

5.53 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Yang di-Pertua, mesyuarat pertama, Penggal Pertama Parlimen Ketujuh yang berlangsung pada masa yang begitu genting dalam sejarah negara bersama-sama dengan kebangkitan pelbagai krisis yang melanda Malaysia. Kita berdepan dengan berbagai masalah utama dan perlu disegerakan yang akan memberi kesan tidak sahaja kepada pemulihan semula ekonomi tetapi juga pengekaln keyakinan negara dan antara bangsa dalam sistem Kerajaan kita.

Negara kita sedang menghadapi kemelesetan dan tidak terdapat tanda pemulihan dalam tempoh yang singkat. Barangkali inilah kali pertama sejak merdeka kita berada di bawah tekanan ekonomi yang begitu teruk. Adalah perlu bagi Kerajaan untuk mengambil langkah konkrit yang lebih tegas untuk mengatasi situasi ekonomi semasa yang semakin buruk dan meletakkan kembali ke dalam aliran pertumbuhan ekonomi yang cergas. Saya ingin menerangkan isu-isu utama yang dihadapi oleh Kerajaan yang memerlukan perhatian dengan segera.

Tahun 1986 ialah satu tahun yang genting bagi Malaysia dan rakyatnya berkehendakkan satu persetujuan kebangsaan yang mana sebuah negara yang bersatu padu boleh dibina. Kita baharu sahaja menyambut kemerdekaan negara yang ke 29 tahun. Jika selepas 29 tahun mencapai kemerdekaan kita tidak boleh bersuara lantang mendakwa bahawa kita telah menjadi sebuah negara Malaysia yang benar-benar bersatu padu maka inilah masanya bagi kita menyemak kembali dasar-dasar pembinaan bangsa negara kita mengambil kira, mengenal pasti kelemahan dan kekurangan kita dan memperbetulkan serta merangka satu susunan baru dasar pembinaan negara.

Semua rakyat di Malaysia tidak boleh mengeneikan berbagai masalah yang mendatangkan krisis keyakinan dan di antaranya ialah ekonomi Malaysia yang semakin buruk yang berpunca dari salah pengurusan yang mengakibatkan masalah pembuangan pekerja beramai-ramai dan masalah pengangguran yang serius dalam negara kita dan pertukaran asing serta kedudukan imbang pembayaran yang semakin buruk yang kita ada lihat di depan mata kita.

Kerajaan mestilah mengambil langkah segera untuk memulihkan ekonomi. Dalam hubungan ini saya suka menggesa Kerajaan supaya satu semakan semula yang menyeluruh dasar Kerajaan termasuk Dasar Ekonomi Baru diadakan. Dasar dan peraturan yang menghalang pertumbuhan ekonomi dan keyakinan pelaburan hendaklah dilonggarkan atau dipermudahkan.

Ahli-ahli politik hendaklah menghentikan tindakan menggunakan isu-isu perkauman bagi kepentingan politik. Permainan politik perkauman oleh setengah-setengah pemimpin politik di pihak Kerajaan sejak pilihanraya umum baru-baru ini tidak sahaja menimbulkan kebimbangan ramai orang tetapi juga menakutkan bakal-bakal pelabur. Adalah tidak ada gunanya memperkatakan semua jenis insentif dan kemudahan bagi menarik pelabur-pelabur asing jika politik perkauman dan melampau tidak dihentikan. Bakal-bakal pelabur asing kurang berminat untuk melabur di negara kita kerana terlalu banyak kuasa budi bicara diberikan kepada kakitangan awam kita dan pula garis panduan pelaburan bertulis tidak ada diperolehi.

Jika kita inginkan pelabur membantu mencergaskan semula ekonomi kita, saya ingin mencadangkan bahawa Kerajaan hendaklah menunjukkan penglibatan

tegasnya kepada sistem ekonomi bebas yang diamalkan di negara. Kenapa tidak menggalakkan pelaburan tempatan daripada hanya bergantung kepada pelabur asing.

Para peniaga Malaysia akan melabur modal mereka dalam negara jika mereka diberikan jaminan di atas penglibatan dan komitmen Kerajaan dalam sistem ekonomi bebas dan keadilan. Jika para peniaga Malaysia enggan melabur dalam negara sendiri kerana dasar-dasar yang tidak adil dan keputusan mutlak tentulah pelabur asing enggan berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, pengangguran telah menjadi satu masalah sosial dan ekonomi yang besar terutamanya dalam saat kemelesetan ekonomi yang semakin buruk sekarang. Satu cara untuk menyelesaikan masalah ini ialah dengan membuka lebih banyak tanah untuk bercucuk tanam bahan-bahan makanan, sayur-sayuran dan buah-buahan. Belia dari semua kaum hendaklah diberikan peluang untuk menyertai projek tanah secara besar-besaran untuk mereka yang tidak mempunyai tanah daripada hanya menggalakkan belia-belia penganggur berhijrah dari desa ke kawasan bandar. Kerajaan hendaklah menggerakkan sumber-sumbernya bagi mewujudkan satu lagi revolusi hijau dengan meningkatkan penanaman bahan-bahan makanan dan buah-buahan tidak sahaja boleh mengurangkan import bahan makanan iaitu juga boleh menyelamatkan pertukaran asing malah kita boleh mengeksport lebihan makanan itu.

Belia-belia kita hendaklah juga diberikan latihan dalam berbagai bidang kemahiran dan perniagaan supaya mereka boleh membina penghidupan. Keadaan kemelesetan ekonomi sekarang ialah satu masa yang sesuai untuk melatih semula tenaga pekerja kita supaya apabila ekonomi kita telah pulih kita akan

mempunyai pekerja dan juruteknik yang mencukupi untuk membangunkan ekonomi. Kita tidak akan dapat membina kestabilan dalam negara ini kelainkan Kerajaan bertindak untuk meredakan ketegasan sosial akibat dari pengangguran ini dikalangan semua kaum.

Tuan Yang di-Pertua, cabaran terbesar yang dihadapi oleh negara kita pada hari ini ialah masalah tentang polarisasi kaum. Semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, agama atau anutan fahaman politik dan parti mengambil perhatian berat mengenai masalah polarisasi kaum yang mana kita mesti menerima dan mengakui kenyataan bahawa semua rakyat Malaysia berada dalam kapal negara yang sama dan sama ada kita tenggelam atau terselamat adalah bersama-sama.

Negara kita ialah sebuah negara rakyat yang terdiri dari pelbagai kaum, agama, kebudayaan, bahasa dan cara hidup. Saya ingin menggesa Kerajaan supaya memastikan bahawa semua dasar hendaklah digubal dengan adil dan dilaksanakan dengan saksama. Kerajaan hendaklah melayani semua rungutan dari pelbagai kaum dan menyelesaikannya dengan ikhlas. Selagi Kerajaan tidak dapat menghapuskan pengenalan kaum dan mengeneppikan diskriminasi dalam dasar-dasarnya maka selama itulah tidak akan wujud sebuah negara Malaysia yang bersatu padu.

Usaha-usaha mestilah dibuat di semua peringkat masyarakat untuk menanam dalam hati nurani warganegara kita perasaan saling hormat menghormati, persefahaman dan saling cinta mencintai untuk negara kita. Kita hendaklah memulakan di sekolah, maktab dan universiti yang mana murid-murid sekolah dari semua kaum dan agama seharusnya diberi layanan yang adil dan diberi peluang yang adil untuk kemajuan menurut kebolehan mereka

masing-masing. Begitu juga bantuan kewangan dan biasiswa hendaklah diberi atas keperluan atau kelayakan.

Parti pemerintah melebihi dari yang lain seharusnya menunjukkan contoh yang baik dengan menggalakkan perasaan saling hormat menghormati di kalangan berbagai kelompok masyarakat. Janganlah dibiarkan sesuatu kaum mencabar kaum yang lain. Setiap dari kita mempunyai hak dan tanggungjawab undang-undang yang sama di sisi warganegara dan ucapan serta kenyataan yang membangkitkan satu suasana ketakutan atau ketegangan hanya akan memanjangkan masalah ekonomi yang dialami oleh negara kita.

Saya menyeru semua ahli politik di samping pemimpin Kerajaan dan masyarakat supaya menyumbangkan sesuatu untuk mengurangi polarisasi kaum di negara kita. Pertikaian kaum amatlah merbahaya dan boleh memusnahkan negara kita. Marilah kita semua bertekad untuk menyumbangkan sesuatu bagi mewujudkan kestabilan dan harmoni.

Saya suka menggesa Kerajaan supaya membentuk satu suruhanjaya yang mempunyai kuasa yang tertinggi yang diketuai oleh bekas Ketua Hakim Negara, Tun Mohamed Suffian dan mengandungi orang perseorangan yang berwibawa dan berkedudukan dalam masyarakat kita untuk mengkaji sebab musabab berlakunya polarisasi kaum dan mencari jalan untuk mengatasinya atau sekurang-kurangnya meminimalkan masalah ini. Suruhanjaya itu hendaklah merekomen langkah-langkah positif yang perlu untuk membina sebuah negara yang berharmoni dan bersatu padu. Ataupun sebagai alternatif langkah-langkah tertentu hendaklah diambil untuk menubuhkan sebuah institut perhubungan kaum di Malaysia yang seharusnya mempunyai tanggungjawab tunggal untuk

mencegah polarisasi kaum. Sebagai satu langkah utama institut itu hendaklah menumpukan perhatian ke atas isu dan kejadian yang menambahkan kesulitan polarisasi kaum sebelum menyelesaikan dan mengatasi sebab-sebab utama yang membawa kewujudan masalah polarisasi kaum ini. Jika sebuah institut tersebut dapat ditubuhkan, DAP bersedia untuk menghulurkan sokongannya oleh kerana kita merasai adalah menjadi tugas setiap rakyat Malaysia untuk menyelesaikan dan mengatasi masalah polarisasi kaum di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita akan menyambut ulangtahun ke-30 pada tahun hadapan. Perlembagaan Malaysia pula pada waktu itu sudah berusia 30 tahun. Kami ingin mencadangkan supaya sebuah Suruhanjaya Semakan Perlembagaan ditubuhkan untuk menyemak semula perjalanan dan pelaksanaan Perlembagaan ini untuk melihat bagaimana dalam tempoh 30 tahun yang lalu ianya telah memenuhi aspirasi nasional untuk mewujudkan sebuah negara Malaysia yang bebas, yang demokratik, adil dan saksama yang mana wujudnya kedaulatan undang-undang dan pemerintahan demokrasi berparlimen yang bermakna.

Suruhanjaya Semakan Perlembagaan apabila ditubuhkan kelak hendaklah mengkaji cadangan dan rekomendasi tentang bagaimana hendak mewujudkan sebuah negara Malaysia yang adil dan sejahtera untuk ke semua warganegaranya. Ini akan menjadikan sambutan ulangtahun kemerdekaan ke-30 itu lebih bermakna kepada rakyat dan negara dan tidak lagi hanya mengadakan perbarisan, perarakan, dan majlis bagi menyambut peristiwa yang bersejarah itu.

Suruhanjaya itu hendaklah menyiapkan laporan hasil kajian dan rekomendasi tentang bagaimana Perlembagaan Malaysia boleh diperbaiki supaya satu perbahasan peringkat kebangsaan bersempena perayaan ulangtahun kemerdekaan ke-30 ini boleh diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil peluang ini untuk membangkitkan perkara pelajaran tinggi. Di dalam hubungan ini, saya suka menyentuh keputusan Kerajaan Australia baru-baru ini untuk menaikkan bayaran pangajian untuk pelajar-pelajar asing dan ini melibatkan seramai 12,000 orang pelajar Malaysia yang belajar di Australia. Keputusan yang dibuat oleh Kerajaan Australia tidak sahaja akan menambah kesusahan ke atas pelajar-pelajar Malaysia yang berada di Australia tetapi membuatkan kita menyedari hakikat dan realiti di dunia ini yang mana kita tidak boleh terus menerus bergantung ke atas orang lain untuk memberikan pelajaran kepada rakyat Malaysia.

Di samping ramai pelajar Malaysia terpaksa menamatkan pengajian mereka sementara yang lain mencari jalan dan usaha untuk memenuhi keperluan pelajaran mereka. Ramai ibubapa dan penjaga terpaksa membuat pengorbanan tambahan atau mencerut lagi talipinggang mereka.

Jadi, kita merasa dukacita dan kecewa dengan tindak balas Menteri Pelajaran kita apabila beliau berkata bahawa tidak ada apa yang boleh kita berbuat melainkan menasihatkan pelajar-pelajar kita yang tidak mampu membayar yuran yang tinggi supaya mencari negara lain yang mana yuran tersebut lebih rendah. Sepatutnya Menteri itu boleh mengambil satu sikap yang lebih bertanggungjawab dan mencari jalan penyelesaian kepada masalah ini.

Memandangkan pertambahan yang meningkat untuk pelajaran tinggi adalah wajar kita mengembangkan lagi institusi pengajian tinggi kita yang sedia ada untuk menambah pengambilan pelajar-pelajar yang layak. Lebih banyak pusat pengajian tinggi harus dibuka untuk maksud ini, tetapi jika pihak Kerajaan tidak berupaya untuk berbuat sedemikian atas sebab-sebab kewangan kerana kemelesetan ekonomi sekarang, maka Kerajaan hendaklah mengambil langkah-langkah tertentu untuk menswastakan pelajaran tinggi. Ini adalah satu keperluan segera untuk mengembangkan konsep penswastaan kepada bidang pelajaran tinggi atas dua sebab utama. Yang pertamanya, ia boleh membantu ataupun menambah usaha-usaha sektor awam dalam memenuhi keperluan pelajaran tinggi yang kian bertambah. Keduanya, untuk menyekat pengaliran keluar pertukaran asing ke negara-negara maju kerana pelajaran dan latihan.

Saya menyeru Kerajaan supaya mengkaji cadangan ini secara objektif dengan mengambil kira keperluan negara untuk menyediakan tenaga pekerja terlatih bagi membangunkan negara dan menyelamatkan pertukaran asing.

Dalam pada memperkatakan konsep penswastaan ini, saya suka menggesa Kerajaan supaya mengkaji dengan mendalam sebelum memutuskan setengah-setengah perkhidmatan patut diswastakan ataupun tidak. Walaupun penswastaan perlu dalam perkhidmatan-perkhidmatan yang tertentu, sebagai contoh pelajaran tinggi seperti yang saya tadi telah mencadangkan, tetapi ini tidaklah semestinya boleh diusahakan dalam perkhidmatan yang lain. Sebagai contoh kita mengambil Pusat Pakar Lady Templer (Lady Templer Hospital) di Cheras yang saya ingin bangkitkan di sini.

Hospital Lady Templer telah ditubuhkan dalam tahun 1955. Pada peringkat permulaannya objektif hospital ini ditubuhkan adalah untuk merawat pesakit-pesakit batuk kering. Penyelenggaraan dan pentadbiran hospital itu adalah di bawah kelolaan Lembaga Pemegang Amanah yang dilantik. Sejak ditubuhkan kegiatan Hospital Lady Templer berjalan dengan begitu lancar dan sempurna selaras dengan kedudukannya sebagai sebuah hospital. Hospital ini sehingga kini pun masih mendapat bantuan kewangan dari Kerajaan, Angkatan Tentera, Polis, syarikat swasta dan derma daripada orang-orang awam serta bayaran rawatan yang dikenakan kepada pesakit-pesakit yang dirawat di hospital itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, cuba akhiri.

Tuan Lee Lam Thye: Jadi apa yang saya ingin menyentuh di sini berkenaan dengan Rumah Sakit ataupun Hospital Lady Templer ialah saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri Kesihatan yang berkenaan bahawa akibat dari konsep penswastaan nampaknya syarikat itu tidak dapat mengendalikan hospital itu dengan cara yang baik dan betul dan mengakibatkan satu keadaan di mana gaji untuk kakitangan-kakitangan hospital tidak dibayar sejak bulan Mei tahun ini.

Menyedari hakikat ini saya berpendapat bahawa satu bentuk penyelesaian mestilah dibuat dan di sini saya ingin menegaskan kepada pihak Kerajaan supaya pentadbiran Hospital Lady Templer mesti dikembalikan di bawah pentadbiran Lembaga Pemegang Amanah dengan syarat Lembaga Pemegang Amanah yang ada sekarang ini mestilah dibubarkan dan ditubuhkan Lembaga Pemegang Amanah yang baru di bawah perhatian Kementerian Kebajikan Masyarakat.

Dengan jalan ini sahaja baru Hospital Lady Templer dapat berfungsi semula sebagai sebuah hospital untuk memberikan perkhidmatan dan rawatan terutama sekali kepada mereka yang berpendapatan rendah serta tidak mampu untuk membayar kos rawatan perubatan yang tinggi. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal.

4.50 ptg.

Dr Goh Cheng Teik (Nibong Tebal): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah setinggi-tingginya kepada Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan-Timbalan Yang di-Pertua di atas perlantikannya. Kami berdoa semoga di bawah pimpinan tuan-tuan sekalian, Dewan Rakyat ini akan membahaskan isu-isu dengan semangat musyawarah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Insya Allah.

Dr Goh Cheng Teik. dan mencapai muafakat yang berfaedah kepada rakyat dan tanah air kita.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk bersama-sama dengan Ahli Parlimen dari Kuantan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain mengucapkan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapan Baginda yang memperangskan kepada Parlimen pada 7hb Oktober yang lalu. Dalam Titah Ucapan (Baginda, Seri Paduka telah menasihati kita agar bersuara secara bebas atas segala isu tetapi hendaklah tidak dipengaruhi oleh sentimen-sentimen perkauman. Nasihat Seri Paduka kepada kita. Wakil-wakil yang dilantik bagi negara ini adalah sebenarnya kena pada masa ini kerana akhir-akhir ini semakin ramai ahli-ahli politik memberi ucapan

dengan tidak begitu mengawal tentang perkara sensitif berhubung dengan hubungan kaum di negara ini. Jika hal-hal yang demikian tidak dapat dikawal, suasana politik mungkin menjadi panas dan rumah Malaysia yang dibina oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dan bapa-bapa pengasas yang lain 29 tahun lalu akan terbakar. Kita boleh dan harus menerima nasihat Seri Paduka Baginda sebelum terlambat.

Tuan Yang di-Pertua, telah tertulis di buku takdir di atas bahawa Malaya mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, Malaysia tertubuh pada tahun 1963 dan rakyat dari berbagai kaum dan asal keturunan—Melayu, Cina, India, Thai, Iban, Melanau, Kadazan, Bajau dan lain-lain mendiami bumi ini. Janganlah kita tentang takdir kita ini. Terimalah ia. Tuhan telah menempatkan kita bersama di negara ini. Marilah kita bersyukur ke hadratNya. Tunjukkan penghargaan kita kepadaNya dengan hidup bersama-sama dengan rukun dan damai seterusnya kita adalah bersaudara dari keturunan manusia yang serupa. Kerajaan menggalakkan penerapan nilai-nilai Islam seperti benar, tekun dan berkhidmat dalam pentadbiran kita. Janganlah kita lupa bahawa "The brotherhood of men"—persaudaraan sesama manusia adalah satu nilai Islam. Menurut ajaran Islam semua manusia baik lelaki atau perempuan adalah anak cucu Nabi Adam. Dalam perkataan lain sama ada Melayu, China, India, Thai, Iban, Melanau, Kadazan atau Bajau, kita adalah adik-kakak dari keluarga yang sama. Sebagai adik-kakak, kita tidak patut membeza-bezakan mengikut kaum. Oleh yang demikian adalah bukan Islam, juga bukan Buddha, bukan Hindu dan bukan Kristian bagi orang-orang yang bersikap perkauman.

Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalah besar yang dihadapi oleh negara Malaysia ketika ini bukanlah

perkauman sama sekali. Ambil contohnya, pertumbuhan ekonomi yang lembab sepertimana Titah Baginda dalam Ucapan di-Raja. Kelembapan ini adalah disebabkan oleh kemelesetan ekonomi adalah seperti penyakit berjangkit, ia menyerang semua kaum. Serangan ta'un, contohnya, tidak menyerang mangsa dari satu kaum sahaja, virusnya tidak membeza kaum itu ataupun kaum ini, ianya menyerang manusia tidak kira dari kaum apa. Demikian juga, dengan kemelesetan ekonomi sekarang ini. Ia melibatkan sesiapa pun.

Marilah kita lihat sekeliling kita dan kita dapat melihat bahawa semua kaum menderita dengan kesan-kesan kemelesetan. Pengeluar-pengeluaran komoditi Utama yang terpaksa hidup dengan pendapatan yang sedikit; pekerja-pekerja yang telah diberhentikan oleh lombong-lombong, kilang-kilang, hotel-hotel, restoran-restoran dan sebagainya, penjaja-penjaja yang terpaksa bersusah-payah mencari nafkah atas pendapatan yang sedikit, taukeh-taukeh yang disaman oleh bank-bank perdagangan kerana gagal membayar balik pinjaman mereka, mangsa-mangsa pencuri-pencuri dan penyamun daripada tidak mempunyai pekerjaan dan sebagainya—semua ini adalah terdiri daripada semua kaum.

Satu lagi masalah ialah rasuah. Ini juga tidak mengira kaum. sebagai contoh yang paling jelas sekali ialah skandal BMF yang terkenal itu. Laporan-laporan yang disediakan oleh Jawatankuasa Tan Sri Ahmad Noordin menulis dengan terang dan jelas bagaimana beberapa orang Melayu yang tertentu berganding tangan dengan beberapa orang Cina yang tertentu untuk menipu syarikat kewangan Bumiputera. Bukankah ini tidak kira kaum?

Tuan Yang di-Pertua, marilah kita ahli-ahli politik negara ini sama ada dari parti yang berkuasa atau dalam Pembangkang, menurut nasihat Seri Paduka ini. Bebaskan diri kita dari emosi perkauman, dan teliti segala isu dengan tenang dan secara menyeluruh. Ketika ini adalah ketika yang buruk. Rakyat terutamanya yang miskin sedang menderita. Kita tidak tahu selama mana mereka akan terus menderita. Janganlah kita menambahkan kesengsaraan mereka dengan menuduh kaum itu atau kaum ini. Kita telah dipilih oleh rakyat dari semua kaum untuk mewakili mereka dalam Parlimen ini. Adalah menjadi tanggungjawab kita membuat isu-isu dengan hati-hati dan berwaspada dan secara objektif dan mencari jalan yang paling baik bagi mengurangkan penderita mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Pasir Mas.

5.00 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut mengambil bahagian dalam perbahasan Ucapan Titah Duli Yang Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung.

Sebagai ucapan pertama saya di Dewan yang mulia ini, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menegaskan pendirian saya sebagai seorang Ahli Parlimen yang dipilih oleh rakyat, saya akan sentiasa berdiri di dalam Dewan sebagai penyambung mata, lidah dan telinga rakyat tanpa sebarang rasa takut dan pilih kasih dalam mengemukakan sebarang pandangan saya sepanjang persidangan Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan membahas usul Kebawah Duli ini, saya ingin menekankan beberapa

perkara yang saya anggap sebagai perkara-perkara pokok dan mandat yang saya perolehi daripada pilihanraya yang lalu, Kerajaan Kebawah Duli dalam waktu berhadapan dengan rakyat telah mengemukakan manifesto "Tradisi Membela Rakyat" sebagai wadah dan tunggak perjuangan untuk memenuhi kehendak dan harapan rakyat di tahun-tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu sebagai tanda kesyukuran, sebagai tanda mengenang budi, sebagai tanda penghormatan Kerajaan Kebawah Duli kepada kepercayaan rakyat dalam pilihanraya yang lalu adalah wajar sekali aspek-aspek pembangunan yang memberi faedah langsung kepada rakyat terbanyak, khususnya di luar bandar diberi penekanan yang bersungguh-sungguh dan ikhlas.

Tuan Yang di-Pertua, penglibatan Kerajaan Kebawah Duli dalam hal ini janganlah hanya seperti melepas batu di tangga sahaja. Setelah 29 tahun merdeka, setelah tujuh kali pilihanraya diadakan, setelah satu generasi Malaysia merdeka lahir dan dewasa, kita masih lagi melihat beberapa unsur pembangunan asas rakyat diabaikan secara langsung ataupun tidak. Kita masih lagi melihat beberapa aspek kehidupan rakyat terbanyak di luar bandar, khususnya masih lagi seolah-olah sengaja dilambat-lambatkan. Sumbangan peruntukan pembangunan yang sepatutnya sampai kepada rakyat setelah 29 tahun merdeka, cerita tentang keperluan air, elektrik, jalanraya dan pusat kesihatan umpamanya masih lagi menjadi tumpuan perjuangan politik luar bandar. Kita masih ingat melihat dengan nyata kekurangan pembangunan luar bandar yang menyentuh aspek-aspek ekonomi pelajaran kesihatan dan pembangunan kemanusiaan masyarakat luar bandar

itu. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, setelah Tradisi Membela Rakyat menjadi cogan harapan rakyat, janganlah lagi soal-soal yang melibatkan pembangunan rakyat luar bandar ini diabaikan.

Menjelang pembentangan Belanjawan 1987 yang kebetulan selepas pilihanraya yang telah memberi mandat besar kepada Kerajaan Kebawah Duli adalah sebaik-baik masa untuk kita membuktikan kepada rakyat dan negara bahawa kita dan Kerajaan yang bertanggungjawab terhadap segala janji yang telah kita berikan dalam pilihanraya yang lalu. Belanjawan yang akan dibentangkan dengan penekanan peruntukan yang besar kepada pembangunan luar bandar kelak akan dapat meyakinkan bahawa Kerajaan yang mereka pilih adalah sebuah Kerajaan yang mengenang budi yang tidak memancing undi dengan suara-suara perkauman sahaja seperti yang dibuat oleh setengah-setengah parti Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyentuh Dasar Ekonomi Baru meskipun ianya telah berjalan 15 tahun lebih, ternyata matlamat serampang dua mata masih belum tercapai, lebih-lebih lagi matlamat untuk memenuhi pencapaian bumiputera kepada 30% dalam kek ekonomi negara yang tercinta ini. Dalam memperkatakan soal Dasar Ekonomi Baru ini saya ingin mengingatkan Dewan yang mulia ini walau satu generasi sekalipun dilakukan, pembangunan luar bandar Malaysia bagi kepentingan orang Melayu tidak akan dapat menandingi jumlah modal yang telah dilaburkan oleh pihak penjajah bagi kepentingan mereka dan kaum pendatang di bandar-bandar waktu itu. Sesungguhnya demikianlah manifestasi derita batin, luka hati, ratapan jiwa dan kesengsaraan yang

akan terus mengharung dan menggugat jiwa orang Melayu dalam usaha untuk memenuhi cita-cita Dasar Ekonomi Baru. Dasar Ekonomi Baru dirumuskan hasil dari kesedaran yang insaf tentang perlunya menyusun semula struktur masyarakat Malaysia yang selama ini lebih dikenali melalui kegiatan ekonomi akibat peristiwa berdarah 13 Mei. Ia merupakan satu langkah yang kukuh ke arah pengwujudan sebuah masyarakat Malaysia yang bersatupadu, di satu ketika kelak ia merupakan satu pengakuan bahawa punca kelemahan ekonomi dan sosial ialah kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ketua Pembangkang ada menyebut, saya quote, dengar baik-baik:

“Jika Dasar Ekonomi Baru adalah untuk memelihara, melindungi dan mengimbang dominasi politik orang-orang Melayu, maka Dasar Ekonomi Baru seharusnya dimansuhkan sekarang juga kerana kononnya rakyat Malaysia tidak pernah memberi sokongan mereka kepada matlamat dasar seumpama itu.”

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan di sini dan diharap Yang Berhormat Ketua Pembangkang sedia membuka telinga dan dengar dengan teliti. Jika DAP berharap agar Dasar Ekonomi Baru menjadi tapak untuk orang-orang Cina sahaja mengaut kekayaan tanpa memperhitungkan kepentingan bumiputera dan kepentingan nasional, maka itulah tandanya sebenar bahawa demokrasi negara ini akan mati.

Tuan Yang di-Pertua, peristiwa 13 Mei.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sebentar!

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tak boleh, lepas ini boleh bercakap, Biar saya habis dahulu, dengar baik-baik.

Peristiwa 13 Mei seharusnya telah cukup untuk mengajar Yang Berhormat dari Tanjong dan pemimpin-pemimpin Pembangkang memahami erti dan harga demokrasi. Janganlah sampai peristiwa ini berulang lagi. Saya dengan penuh insaf ingin mengatakan sebagai seorang anak muda dengan tidak perasaan yang emosi tetapi penuh tanggungjawab, jangan sampai nanti cucu Datuk Maharajalela, cucu Datuk Bahaman, cucu Mat Kilau dan anak buah Tok Janggut yang sedang muncul seperti cendawan bangun menuntut hak mereka di atas bumi yang bertuah ini secara tidak demokratik, kerana jika itu berlaku, soal 13 Mei tidak lagi penting. Kerana jika itu berlaku, soal Dasar Ekonomi Baru tidak lagi penting, sebaliknya barang dijauhkan Allah negara ini akan jadi padang jarak, padang terkukur.

Tuan Yang di-Pertua, ingatlah tiap-tiap sesuatu ada batasnya, janganlah sampai orang Melayu merasakan maruah mereka tercabar lagi, kerana jika itu terjadi, bicara sudah tidak ada pengertian lagi.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam membahaskan usul Kebawah Duli, Yang Berhormat dari Tanjong telah membangkitkan krisis keyakinan dan kematian demokrasi negara ini. Sebenarnya sejak 10 tahun yang lalu, ketika saya memimpin persatuan pelajar dan menjadi aktivis politik di luar Parlimen, saya telah mendengar soal-soal yang sama yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong pada waktu mewakili Kota Melaka. Setelah 10 tahun saya melihat gelagat dan pemikiran Yang Berhormat dari Tanjong, saya dapat ternyatalah beliau seorang yang kehilangan keyakinan diri dan krisis keyakinan. Ini disebabkan sejak berada di

Parlimen, tema dan isu percakapan beliau bukan sahaja bersikap perkauman dan penuh dengan prasangka, tetapi tidak punya pembaharuan dan idea yang boleh diketengahkan dalam menyelesaikan isu-isu yang beliau bawa sendiri. Seluruh rakyat di negara ini harus tahu hakikatnya.

Tuan Yang di-Pertua, sejarah kemenangan politik beliau sejak beberapa kali pilihanraya hanya bermodalkan isu perkauman, janji kosong dan memainkan sentimen negara rakyat negara ini, pada hal Kerajaan Malaysia sendiri telah mengubah berbagai dasar. Dari Dasar Luar Negeri yang anti komunis kepada Dasar Berkecuali dan Pandang Ke Timur. Dari dasar ekonomi yang berat sebelah kepada Dasar Ekonomi Baru yang baru. Dari era Pertanian kepada era Perindustrian dan seterusnya Kerajaan Barisan Nasional telah diterajui oleh Allahyarham Tun Razak selaku Bapa Pembangunan Negara hinggalah kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr Mahathir Mohamad, tetapi sejak 10 tahun Kerajaan yang dikatakan tidak demokratik ini telah bertukar pemimpin demi pemimpin. Pihak Pembangkang masih lagi di bawah teraju Yang Berhormat dari Tanjong. Agaknya siapakah yang lebih demokratik di dalam hal ini? Dalam politik demokrasi pemimpin selalu bertukar ganti, tetapi sogoh pemerintahan diktator yang ada hanyalah kepimpinan yang terus bertenggek secara kuku besi.

Tuan Yang di-Pertua, nada-nada tentang tidak ada kebebasan oleh DAP ini samalah sepertimana parti PAS yang lupa bahawa merekalah yang menyekat diri mereka dan parti mereka, tetapi penentangan mereka akan diusir keluar dari parti dan mereka kemudiannya akan berlagak, merekalah seolah-olah membela rakyat dan juara demokrasi.

Saya mencadangkan supaya parti DAP jangan terlalu asyik bermain api, kelak terbakar diri. Kalau kail hanya panjang sejengkal, jangan cuba menduga lautan. Sarang tebusan jangan cuba dijolok, kelak buruk padahnya. Generasi Malaysia hari ini tidak lagi mahu mendengar soal-soal dasar dan cita rasa perkauman dibangkitkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tanjong ada bertanya apakah Perdana Menteri mahu mewakili 55% sahaja dari rakyat Malaysia. Saya juga ingin bertanya apakah DAP juga sebagai sebuah parti yang mendabik dada bukan perkauman hanya mewakili satu kepentingan kaum sahaja dalam membawa isu-isu tertentu dalam perjuangan? Sebagai sebuah parti yang kononnya tidak perkauman mengapa DAP, tidak mempunyai seorang wakil Melayu di dalam Parlimen? Mengapa DAP tidak pernah menyuarakan hasrat orang Melayu di luar bandar? Mengapa DAP perlu bimbang jika Kerajaan hanya mewakili 55% rakyat Malaysia bila DAP sendiri hanya sebok dengan masalah 20% pengundi yang diperolehinya.

Demikian juga Yang Berhormat dari Tanjong mencabar Kerajaan Malaysia tentang tidak adanya penglibatan Zionis dalam hal ehwal Malaysia khususnya tentang Kerajaan menghalau dua wartawan *Asian Wall Street Journal*, dengan izin, adalah diibaratkan mempersoalkan apakah Kerajaan mempunyai bukti bahawa seluruh aktiviti DAP di negara ini berkait rapat dengan parti PAP di Singapura. Kerajaan Malaysia adalah Kerajaan yang bertanggungjawab. Dari beribu wartawan dalam dan luar negeri sejak negara ini mencapai kemerdekaan sehingga hari ini telah berapa banyakkah Kerajaan Malaysia telah mengusir? Sudah tentu jumlahnya lebih kurang daripada

Ahli-ahli DAP yang dihalau keluar kerana menentang Yang Berhormat dari Tanjong sebagai seorang pemimpin yang membuat keputusan parti secara tersendiri sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, penghormatan ke atas dua wartawan *Asian Wall Street Journal* dan akhbar tersebut adalah wajar kerana seperti kata Perdana Menteri, kita tidak akan boleh diperalatkan dengan mengikut selera sesiapa yang merasa mereka boleh menjahanamkan imej negara mengikut selera mereka. Kita adalah negara yang merdeka, yang bermaruah, kita tidak akan tunduk kepada sesiapa dan kita tidak akan menjadi parti boneka kepada sesiapa.

Yang Berhormat dari Tanjong juga mengataan Kerajaan menghadapi krisis keyakinan tetapi tidakkah Yang Berhormat dari Tanjong mengerti bahawa dari keputusan yang lalu Kerajaan Barisan Nasional telah menang 148 kerusi, sedangkan DAP hanya 24 kerusi sahaja. Tidakkah ini bukti nyata bahawa rakyat sebenarnya mempunyai krisis keyakinan kepada DAP dan bukan kepada Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang Di-Pertua, maka sekarang ini bukan lagi untuk mengubah dasar tetapi sekarang adalah zaman untuk pengukuhan dasar. Usaha pencapaian Dasar Ekonomi Baru hendaklah diteruskan dan diperkukuhkan walaupun seribu tahun lagi. Dasar Kebudayaan Kebangsaan biarlah membujur lalu melintang patah, mestilah diteruskan dan dihayati dengan penuh kesedaran di mana langit dijunjung, di situlah bumi dipijak. Demikian juga dalam melaksanakan Dasar Pelajaran Kebangsaan. Dasar Pertanian Negara mestilah diteruskan tanpa ada jalan untuk menoleh ke belakang lagi.

Dalam perbahasan Menjunjung Kebawah Duli ini juga saya mengambil kesempatan untuk

menyeru agar pihak Kementerian Pelajaran di bawah Kebawah Duli ini agar benar-benar tegas dalam melaksanakan sepenuh hasrat yang terkandung dalam Dasar Pelajaran Kebangsaan semoga usaha-usaha pengukuhan dasar tersebut dapat menjamin pembentukan generasi baru Malaysia yang faham pada cita rasa dan kehendak negara di tahun-tahun akan datang. Pihak Kementerian Pelajaran jangan sekali-kali tunduk kepada desakan-desakan tidak bertanggungjawab dari pihak-pihak yang mahu mencemarkan kedaulatan Dasar Pelajaran Kebangsaan.

Demikian juga dengan Kementerian Pertanian di bawah Kerajaan Kebawah Duli. Bidang pertanian merupakan bidang utama sumber pendapatan rakyat negara ini. Oleh itu penekanan kepada usaha-usaha untuk kemajuan di bidang ini hendaklah diteruskan.

Saya mengucapkan tahniah kepada Menteri berkenaan kerana sentiasa mempunyai daya kreatif dan perancangan untuk membawa perubahan kepada nasib petani dan nelayan di negara ini. Kita percaya ianya tidak menjadi cita-cita dan harapan sahaja. Sebaliknya realiti perjuangan ke arah itu mestilah dicapai mengikut perubahan masa. Jika Mat Jenin hari ini sudah berubah sikap, tidak lagi seperti didendang oleh orientalis Barat; sebaliknya Mat Jenin baru, yang semangat baru, yang membawa nilai baru kepada erti cita-cita perjuangan hidup bumiputera dan rakyat luar bandar; Mat Jenin hari ini tidak akan jatuh lagi kerana propaganda orientalis Barat terhadap konsep Mat Jenin hanyalah untuk melemahkan bangsa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat. . .

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Akhir.

Sebaliknya dengan adanya erti cerita baru Mat Jenin dalam Kementerian Pertanian, kita akan melihat satu titik perubahan bukan sahaja kepada dongeng bangsa, tetapi juga cita-cita dan kecapaian bangsa, khususnya dalam bidang pertanian negara yang masih lagi melambangkan komposisi bangsa Melayu sahaja. Semoga Dasar Pertanian Negara dapat menebus maruah bangsa di desa-desa.

Kementerian Pertahanan pula diharapkan Kerajaan Kebawah Duli akan meletakkan persediaan semangat dedikasi dan teknik-teknik persenjataan yang lebih moden memandangkan pergolakan berterusan di negara Asia, khususnya di sempadan Thailand dan Kampuchea. Siaplah payung sebelum hujan.

Begitu juga Kementerian Luar Bandar hendaklah terus menjadi penggerak utama kepada pencapaian rakyat desa yang lebih baik sesuai dengan sebuah negara yang merdeka dari segi keperluan asas pembangunan.

Begitu juga dengan Pelan Induk Industri di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian supaya industri-industri tidak sahaja wujud dan bertaburan di bandar-bandar, tetapi turut memenuhi keperluan rakyat luar bandar dengan membawa industri ke sana semoga praktis dan amalan membawa industri hanya untuk pembangunan sahaja; tidak lagi diteruskan tanpa perhitungan dan penafian potensi di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, buat akhir, saya berharap Kerajaan Kebawah Duli Tuanku dapat membuat penilaian pembangunan masyarakat selepas merdeka sebagai suatu pencapaian jauh lebih baik daripada masa lalu. Hanya dengan penilaian yang betul

sahaja barulah kita dapat merujuk semua masalah dengan tepat dan menuju dasar. Disebabkan rakyat selepas merdeka telah dapat mengerti dan menilaikan kejujuran kita dalam melaksanakan tanggungjawab kita mestilah berhati-hati jangan sampai rakyat bangun untuk mengubah selera hanya semata-mata kita tidak menyempurnakan tanggungjawab yang diharapkan. Kebangkitan rakyat dalam hal yang menentukan hak-hak mereka adalah ibarat angin yang menderu yang tidak akan dapat ditahan-tahan lagi. Bila angin menderu bersama semangat rakyat, api perkauman akan terbakar hebat ataupun terpadang bahangnya; bila angin berderu bersama aspirasi rakyat untuk menyatakan pembangunan bangsa janganlah sesiapa cuba menahannya. Bila angin menderu meniupkan api perpaduan dan kemenangan bangsa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:itulah tanda Malaysia telah benar-benar merdeka. Saya adalah generasi muda yang diibaratkan angin menderu, jangan sekali-kali dicabar angin anak muda dalam menyatakan maruah harapan bangsa dan negara.

Terima kasih, saya turut menyokong Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Keningau.

5.18 ptg.

Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya menghulurkan ucapan terima kasih saya kepada Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberi kepada saya

mengambil bahagian dalam perbahasan Ucapan Titah Di Raja di dalam Dewan yang mulia ini.

Saya bersyukur kepada Tuhan oleh kerana telah dengan sendirinya kali ini saya dapat mendengar dan menyaksikan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berkenan menyampaikan Ucapan titah Di Raja. Titah Di Raja itu adalah pendek tetapi padat dan penuh dengan perkara-perkara yang amat penting yang harus memupukkan perhatian daripada semua kita di Dewan yang mulia ini. Titah Di Raja itu adalah satu contoh penggunaan, dengan izin, *economy of words* dan saya percaya ini telah disengajauatkan supaya tidak ada kekeliruan atas kepentingan maksud yang sebenar yang diinginkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda kepada rakyat dan negaranya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal demokrasi dan kedaulatan undang-undang, ini sangat mustahak sekali, telah disentuh oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Apa yang telah berlaku di Sabah selepas pilihanraya umum tahun 1985 telah diperhatikan oleh seluas dunia. Perkara mengenai dengan percubaan rampas kuasa, dengan izin, *seige of the Sabah State Government*, perbincangan yang berpanjangan ke atas Kerajaan Negeri Sabah, *injunction* yang begitu banyak dengan tujuan cuba mematahkan Kerajaan yang telah dipilih secara demokratik, percubaan untuk menjatuhkannya melalui cara ahlinya keluar daripada parti sehinggalah berlakunya demonstrasi, letupan-letupan bom, kebakaran, rusuhan, semuanya ini menunjukkan bahawa ada orang-orang yang tidak bertanggungjawab di negara kita ini yang bersedia untuk menggunakan demokrasi dan kedaulatan undang-undang untuk membunuh demokrasi dan kedaulatan undang-undang.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Kita mesti sentiasa berjaga-jaga dan mengawasinya. Apa yang telah berlaku adalah sangat-sangat dikesali. Apatah lagi oleh kerana lama sangat tempoh berlalu dan hanyalah dapat diselesaikan oleh keputusan muktamad daripada rakyat dalam pilihanraya baru-baru awal tahun ini. Orang-orang yang tidak bertanggungjawab untuk melakukan perkara yang mungkin boleh ditafsirkan sebagai subversif hampir-hampir berjaya dan undang-undang yang ada pada kita di negara ini kelihatan macam tidak cukup untuk mencegah mereka dalam perbuatan-perbuatan itu. Disebabkan itu, rakyat tidak puas hati dan kesan daripada kejadian-kejadian itu telah mengakibatkan 4 kerusi Barisan Nasional jatuh ke tangan Pembangkang. Ini haruslah dijadikan satu peringatan dan panduan bagi kita supaya kestabilan negeri atau negara kita dan keselamatan rakyat tidak terancam atau terjejas di masa-masa hadapan.

Kita memang bertujuan untuk terbaik-baik. Kita berharap tujuan ini disamping tinggi dan diterima dengan baik. Jika kita ingin mempertahankan demokrasi, kita mesti bersedia untuk menggunakan kuasa undang-undang khususnya ISA ke atas orang-orang yang ingin merosakkan demokrasi dan mengambil tindakan walau siapa juga terlibat. Jika tidak, mungkin kepercayaan atau kredibiliti kita akan hilang. Yang di-Pertuan Agong telah mengatakan, dengan izin:

“ the implementation of any policies can be adjusted to suit current needs in order to achieve national unity.”

Titah ini adalah menggalakkan pertama sekali terhadap orang-orang yang rasa sesak oleh kerana implementasi ataupun pelaksanaan yang dikatakan “rigid”, dengan izin.

Dasar Ekonomi Baru telah diterima sebagai satu perkara yang baik tujuannya. Tidak sesiapa pun saya rasa boleh menafikan bahawa ini adalah satu langkah yang baik untuk membasmi kemiskinan di kalangan masyarakat majmuk khasnya kaum bumiputera yang termundur sekali. Kebaikan kemajuan dan pencapaian Dasar Ekonomi Baru setakat ini memang sudah ada dan tidak boleh dinafikan, walau bagaimanapun masih belum memuaskan.

Justeru itu, perlulah diperhatikan langkah-langkah yang sesuai untuk mencapai objektif itu dan objektif utama ialah membasmi kemiskinan. Kita mesti praktik dan reasonable. Kita tidak boleh lari daripada tujuan muktamad kita sebagai sebuah negara yang ingin melihat bahawa semua rakyatnya mencapai ke tahap yang makmur dan maju. Tetapi kita juga mempertimbangkan perkara Dasar Ekonomi Baru sama ada, dengan izin, level of achievement itu sudah tercapai atau belum. Kalau belum, apakah kita hendak buat. Ingatkanlah bahawa satu daripada kesan baik Dasar Ekonomi Baru itu adalah pencapaian perpaduan di negara kita.

Justeru itu marilah bersama-sama memikirkan perkara ini dengan jujur dan ikhlas supaya kita dapat merancang langkah-langkah yang baik demi kepentingan kita semua. Tidak boleh dinafikan bahawa kesemuanya ini bergantung kepada perkembangan atau pertumbuhan ekonomi kita. Apa yang kita sama-sama rasai dan saksikan sekarang ini adalah ekonomi yang buruk sekali dan tiada pertumbuhan pun. Memandangkan ini sudah tentulah sekali semua kita sebagai pemimpin dan rakyat harus bekerjasama dengan Kerajaan untuk memulih semula ekonomi kita. Ubahsuaian yang perlu untuk mencapai matlamat-matlamat kita yang jelas itu perlu difikirkan bersama. Tempoh masa untuk

mencapainya bukanlah yang paling penting, yang penting sekali ialah pencapaian matlamat itu yang kita percaya akan membawa kemajuan, keamanan dan kesejahteraan.

Tuan Yang di-Pertua, kita masih dalam genggamannya pengguna-pengguna komoditi utama kita. Kita masih lagi, dengan izin, "appendigious to the industrial giant". Yang membeli barang mentah yang murah dari kita dan mengeksport "finished products" itu dengan harga yang sangat menguntungkan, membolehkan mereka menanggung negeri-negeri kebajikan mereka. Kita harus lari daripada genggamannya ini. Yang amat Berhormat Perdana Menteri kita telah mengambil langkah ke arah yang betul apabila beliau mendedahkan rancangan perindustrian negara untuk masa depan. Kita mesti industrialise, dengan izin, kita tidak boleh lari dari ini, tetapi marilah kita mengadakan industri-industri kita di tempat-tempat yang mana banyak sumber bahan-bahan mentah. Kita telah berbincang dengan ASEAN untuk mewujudkan, dengan izin, regional cooperation. Kita telah berbincang perkara, dengan izin, harmonisation of industry untuk mengeksploitasikan skel ekonomi. Marilah kita buat demikian di dalam negara Malaysia kita sendiri supaya setiap satu negeri dapat menjual barangan kepada negeri-negeri yang lain dan Kuala Lumpur seterusnya ke luar negara.

Untuk mengimplemantasikan dasar industri kita, pertimbangan haruslah diadakan untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh setiap sebuah negeri. Seperti di Sabah kita bertujuan dan ingin mengorak langkah ke arah "downstream timber-based industry", dengan izin, dan mengurangkan log export. Justeru itu kita pun sudah mengambil langkah untuk mengurangkan log export. Juga kita telah membenarkan, dengan izin, generous royalty rebate, demi

digalakkan "downstream processing" tetapi yang tidak boleh dinafikan ialah bahawa Kerajaan Negeri akan mendapat hasil pendapatan yang berkurangan.

Justeru membantu negeri mungkin ada baiknya jika diadakan, dengan izin, "review of the assignment of revenue" supaya Kerajaan Negeri tidak menghadapi kekurangan hasil pendapatan apabila kegiatan "downstream processing" digalakkan. Jika hasil export duty dan excise duty itu boleh diberi terus kepada Kerajaan Negeri, ini akan membantu dengan baik Kerajaan-kerajaan Negeri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat ada seminit lagi, tolong gulong ya!

Datuk Joseph Pairin Kitingan: Tuan Yang di-Pertua, dalam hal perpaduan negara "any obstacle to national unity ought to be removed". Perpaduan negara sepertimana dasar nasional kita ialah tujuan yang terutama sekali dan justeru itu kira mesti mengadakan langkah-langkah "social engineering". Dasar Ekonomi Baru ialah satu langkah positif dalam "social engineering", dengan izin. Barangkali munasabahlah sekarang diadakan penyelidikan ke atas kemajuan yang tercapai dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ke arah perpaduan dan menilai sejauh manakah manfaat itu telah sampai kepada target groups. Kita harus menyelidik Dasar Ekonomi Baru dengan tujuan melihat kesan tahap perpaduan negara. Jika perlu perubahan sudah sememangnya perubahan yang sesuai dan baik perlu dipertimbangkan dalam pelaksanaan supaya masalah sosial tidak timbul. Kesemuanya tumpuan perhatian mestilah ke arah mencapai perpaduan nasioanal yang membawa keamanan dan kesejahteraan.

Dalam tujuan kita memupuk perpaduan, satu langkah yang dirasakan perlu sekali ialah bahawa kita tidak seharusnya membenarkan sesiapa memecah-belahkan perpaduan. Pengundang-pengundang atau legislators kita telah mengenal pasti dua perkara yang amat sensitif iaitu bangsa dan agama dan telah pun digubal peruntukan undang-undang supaya barang siapa yang mengeluarkan cakap yang menyakit sensitiviti ini boleh dihukum. Tetapi sedih sekali bahawa ada kejadian atau kenyataan yang berlaku yang nampaknya terbiar begitu sahaja dan tidak pula ditegur sekurang-kurangnya.

Satu contoh ialah berkaitan dengan tindakan Kerajaan Negeri Sabah mengambil langkah setelah diambil kira cost effectiveness, dengan izin, untuk memindah kilang susu daripada Labuan ke Sabah. Ada orang-orang politik pula mengutuk ini sebagai langkah-langkah untuk menjejaskan kedudukan orang Melayu dan untuk mengeluarkan orang Melayu dari Labuan. Kesemuanya ini tidak berasas.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, minta tolong akhikan. Masa sudah sampai.

Datuk Joseph Pairin Kitingan: Satu minit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Kesemuanya ini tidak berasas, tetapi tuduhan ini telah dilafazkan. Saya berharap prajudis seperti ini tidak dibenarkan oleh kerana ini hanya akan menimbulkan perselihan faham. Saya berharap kita semua boleh membantu di antara satu dengan lain supaya memahami dengan betul tujuan-tujuan yang ikhlas, baik daripada segi ekonomi, sosial, kebudayaan mahupun politik. Jika tujuan itu baik, haruslah diterima

dengan baik supaya melicinkan perhubungan di antara rakyat majmuk Malaysia yang kita cintai ini.

Kita semua inginkan perpaduan di Malaysia. Jika ini benar, tidak ada sebabnya kita tidak boleh sama-sama memikirkan dan berpegang tangan untuk mencapai matlamat murni ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang sebetulnya masih banyak lagi yang mahu disampaikan tetapi oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya di sini sekali lagi bersyukur bahawa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah melafazkan Ucapan Titah Di Raja yang clear dan comprehensive, dengan izin. Perkara yang mustahak kemudian ialah kerjasama dan persefahaman dalam pelaksanaannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Ucapan Titah Di Raja itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Padang Serai.

5.33 ptg.

Tuan Chew Kam Hoy (Padang Serai): Tuan yang di-Pertua, saya bangun untuk kali pertama di Dewan yang mulia in sebagai suara pengundi Padang Serai yang terbaru untuk menyokong Usul Menjunjung Kasih Kebawah duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk ucapan dasar Penggal Parlimen yang baru ini. Banyak telah disentuh beberapa hari ini dan yang menarik perhatian saya ialah soal pengangguran, prestasi pegawai Kerajaan, mutu perkhidmatan Kerajaan terhadap rakyat dan pencerobohan pengedar dadah ke dalam institusi pengajian tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh dinafikan lagi Malaysia adalah di antara negara yang mempunyai pegawai-pegawai Kerajaan yang

terbanyak di dunia iaitu daripada lebih kurang 20 orang penduduk terdapat seorang kakitangan kerajaan berbanding dengan Jepun yang mempunyai hanya satu pegawai setiap 3,000 penduduk dan kebanyakan negara Eropah dengan satu pegawai kepada 60 atau 100 penduduk. Jelas bahawa ratio Malaysia adalah sangat tinggi.

Pada masa ini kemelesetan ekonomi sekarang Kerajaan telah rasa bayaran gaji kepada semua kakitangan sebagai satu bebanan yang berat. Saya percaya sebab ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyuarakan baru-baru ini kemungkinan Kerajaan akan mengurangkan pekerja-pekerjanya. Ini bermakna banyak kakitangan kerajaan mungkin dipecah untuk menjimatkan kos pentadbiran negara.

Saya ingin menarik perhatian Dewan ini bahawa pemecatan pekerja Kerajaan akan menambah kerumitan kepada masalah sosial yang sedang dihadapi di seluruh negara kita. Di sini izinkan saya mencadangkan bahawa Kerajaan sebaliknya mereka satu sistem baru perkhidmatan Kerajaan dengan penubuhan Pusat Khidmat Serenti Kerajaan di kawasan-kawasan luar bandar dan tempat yang tidak ada pejabat Kerajaan langsung. soal kita, bukan banyak kakitangannya tetapi kelemahan dari segi kegunaan tenaga. Ada pejabat yang mempunyai kelebihan pegawai dan yang lain tidak cukup sampai satu pegawai dikehendaki mendukung dua atau tiga jawatan. Di Kedah umpamanya, terdapat 14 kawasan Parlimen, tetapi kita ada 11 daerah yang dilengkapkan dengan pejabat Kerajaan yang sesuai. Di Padang Serai sebagai contoh, penduduk tidak dapat menikmati perkhidmatan yang sewajar. Ada setengah perlu pergi ke jabatan di kulim untuk urusan rasmi dan ada setengah lagi harus pergi ke Baling. Ini telah menimbulkan kesusuhan kepada rakyat.

Dengan ini saya mencadangkan bahawa Kerajaan membuka Pusat Serenti di tempat seperti Padang Serai di mana satu pegawai dari setiap jabatan boleh ditempatkan di satu bangunan untuk memberi perkhidmatan yang lebih berkesan. Dengan pusat begitu, penduduk luar bandar cuma pergi ke satu tempat sahaja untuk urusan rasmi mereka dan mereka tidak keliru hendak menuju ke sini dan ke sana. Ini akan meningkatkan mutu perkhidmatan dan produktiviti kakitangan Kerajaan setanding dengan jumlah pekerja yang terbesar itu.

Saya juga ingin mencadangkan supaya satu kajian seluruh negara diadakan untuk meninjau keperluan kakitangan mengikut kawasan. Di segi ini Wakil-wakil Rakyat harus menjadi jentera Kerajaan tanpa bayaran untuk menyiasat dan mengkaji kawasan masing-masing. Perkhidmatan tambahan tetapi tanpa gaji tambahan ini akan menolong Kerajaan menurunkan perbelanjaan negara.

Saya juga menyokong penuh tindakan Kerajaan melonggarkan syarat-syarat Dasar Ekonomi Baru untuk menarik lebih ramai lagi pelabur-pelabur luar negeri. Di sini saya ingin juga mencadangkan bahawa insentif-insentif yang diberikan kepada pelabur-pelabur luar negeri juga diberikan kepada pelabur-pelabur tempatan. Kita perlu pelabur luar negeri pada masa sekarang untuk meningkat prestasi ekonomi yang telah menemui banyak masalah tetapi pelaburan tempatan tidak patut dilupakan. Pelaburan tempatan untuk setengah tahun pertama 1986 telah merosot jika dibandingkan dengan jadual masa yang sama dalam tahun 1985. Kita mesti mengetahui mengapa pelaburan tempatan tidak meningkat.

Walaupun kita memerlukan pelaburan asing janganlah kita lupa pelabur-pelabur tempatan boleh memainkan peranan yang penting

dalam meningkatkan ekonomi negara kita. Kerjasama dengan OPEC dan tindakan-tindakan yang serupa ini harus dikembangkan lagi kerana ia akan menolong negara kita dari segi pemulihan ekonomi. Begitu juga ia akan menolong harga-harga bijih timah, getah dan sebagainya meningkat kepada satu tahap yang memuaskan untuk kepentingan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita telah dikejutkan oleh kejadian yang menakutkan, iaitu penangkapan penuntut-penuntut institusi pengajian tinggi kerana salahguna dadah. Tiga puluh penuntut ITM telah ditahan di Perlis dan tiga lagi di Selangor. Ini membuktikan pengedar dadah telah berjaya mencero bohi institusi penting di mana pemimpin akan datang sedang dilatih.

Pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mesti menyiasat dengan terperinci supaya pengedar itu dikesan dan dipenjarakan untuk selama-lamanya kerana kegiatan mereka telah mengancam negara dan bangsa.

Kementerian Pelajaran juga patut mewujudkan syarat-syarat baru supaya semua penuntut institusi pengajian tinggi menjalani pemeriksaan setiap tahun untuk mengesan penagih dadah. Penuntut-penuntut yang terlibat dengan dadah haruslah dipecat terus sebagai amaran bahawa Kerajaan tidak akan bertolak ansur.

Pengumuman Perdana Menteri pada 9hb Oktober bahawa undang-undang dadah kita yang kejam itu tidak akan, dilonggarkan juga mesti diberi sokongan sepenuhnya.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Usul atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Gaya.

5.42 *ptg.*

Tuan Gerard Math (Gaya): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda yang di-Pertuan Agong bagi Titah Ucapan Baginda berhubung dengan pembukaan rasmi Persidangan Pertama, Parlimen Ketujuh.

Di Pilihanraya Umum tahun 1978 ketua-ketua Barisan Nasional menuntut bahawa terdapat polarisasi perkauman yang serius di negara semasa DAP menang 16 buah kerusi di pilihanraya Parlimen. Di Pilihanraya Umum tahun 1982 semasa DAP hanya menang 9 buah kerusi Parlimen, ketua-ketua Barisan Nasional menuntut bahawa rakyat telah cukup matang, rasional dan tidak terdapat kata-kata mengenai polarisasi perkauman.

Kini di Pilihanraya Umum 1986 semasa DAP menang 24 buah kerusi Parlimen, Ketua-ketua Barisan Nasional sekali lagi menuntut bahawa terdapat lebih banyak lagi polarisasi perkauman dan mereka menimbulkan kejadian tersebut disebabkan oleh DAP.

Biarlah diketahui bahawa isu-isu mengenai polarisasi perkauman tidak hanya tertakluk kepada jumlah kerusi yang diperolehi oleh Barisan Nasional ataupun DAP. Di sini ingin saya menyeru Kerajaan Barisan Nasional supaya menilai polisi-polisi mereka dan seandainya melaksanakan polisi-polisi tersebut seharusnya mengenakan faedah yang adil bagi semua kaum di Malaysia dan menciptakan sebuah identiti Malaysia yang setia.

Isu mengenai pelarian haram dan penghijrah-penghijrah dan pengeluaran Kad-kad Pengenal Biru kepada mereka telah menimbulkan masalah yang rumit dan besar kepada rakyat Sabah. Terdapat sekurang-kurangnya 400,000 pelarian

haram dan penghijrah-penghijrah yang sedang berada di Sabah manakala 100,000 daripada mereka diberi Kad-kad Pengenal Biru menurut Datuk Dzulkifli Abdul Hamid, dalam ucapannya di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Saya menyeru Kerajaan Persekutuan bertindak dengan serta merta sama ada untuk mengusir atau untuk menghantar penghijrah-penghijrah haram pulang ke negara asal mereka.

Saya difahamkan bahawa perkara-perkara imigrasi Sabah adalah di bawah kawalan Kerajaan Persekutuan. Jika Kerajaan Persekutuan tidak dapat menguruskan isu ini dengan sempurna semoga kesejahteraan semua rakyat Sabah dijamin, maka saya menyeru Kerajaan Persekutuan memberi kuasa penuh kepada Kerajaan Negeri Sabah bagi mengendalikan isu tersebut. Berkaitan berkenaan dengan perkara ini saya dengan Ahli-ahli Parlimen dari DAP berharap agar semua Ahli-ahli Barisan Nasional dari Sabah akan menyokong rayuan saya.

Sistem perundangan di Sabah saya dimaklumkan berada dalam keadaan yang tidak memuaskan. Terdapat banyak kes-kes yang tidak dikendalikan dengan cekap. Saya juga difahamkan ini adalah disebabkan oleh kekurangan Hakim, Session Court President, Magistrate dan juga kekurangan Tabung Bantuan dan kelengkapan yang bersangkutan dengan kemudahan-kemudahan untuk pengadilan. Ruang-ruang yang terdapat di Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu sedang digunakan sebagai pejabat.

Setelah beberapa tahun, pembinaan bangunan baru mahkamah di Sandakan belumpun dimulakan. Tidak terdapat Hakim-hakim yang menetap di Sandakan dan Tawau. Tidak terdapat Session Court

President dan Magistrate yang menetap di Kudat dan di daerah-daerah yang lain. Rakyat yang saya telah temui sama ada si-piutang, saudagar-saudagar mahupun peguam-peguam mulai tidak menaruh kepercayaan kepada pengadilan. Berhubung dengan masalah-masalah ini hanya terdapat satu Official Assignee yang juga bekerja sebagai Pegawai Penerima bagi seluruh negeri Sabah. Dia hanya dibantu oleh sebilangan kecil pekerja-pekerja.

Sehingga masalah ini dikawal, Judiciary di Sabah akan lambat laun pasti hilang kemuliaan dan kecekapan merdeka. Buat permulaan saya menyeru Kerajaan Persekutuan untuk mengadakan lebih banyak Tabung Bantuan kepada Judiciary, melantik lebih ramai Hakim dan mengambil lebih ramai Magistrate tanpa kira bangsa atau warna, serta membina sebuah Commercial Court di Sabah.

Baru-baru ini di dalam suratkhbar Sabah Times yang bertarikh 19hb Ogos, 1986 Timbalan Menteri Pelajaran, Haji Bujang Ulis, dilaporkan menyatakan bahawa universiti-universiti tempatan kita terpaksa menolak tiga penuntut yang berkelayakan manakala hanya mampu menerima satu sahaja permohonan. Ini menunjukkan kegagalan di dalam kewajipan Kerajaan Barisan Nasional bagi meningkatkan untuk pelajaran bagi semua rakyat Malaysia.

Memandangkan pertambahan yuran-yuran bagi pelajar-plajar luar negeri dan kekurangan tempat di universiti-universiti tempatan, Kerajaan seharusnya membina lebih banyak universiti dan membenarkan pembinaan universiti swasta. Selanjutnya pembinaan Universiti Mereka harus dibangkit dan dibenarkan berlaku. Ini akan membolehkan penuntut-penuntut Malaysia yang berkelayakan melanjutkan pelajaran mereka hingga ke universiti dan sebaliknya

menjimatkan berjuta-juta ringgit dalam pertukaran wang asing. Biasiswa-biasiswa haruslah diberikan secara lebih adil supaya kaum-kaum bukan bumiputera tidak akan difikir bahawa keutamaan bagi pemberian biasiswa diberi kepada satu bangsa sahaja.

Sekarang sudah tujuh bulan sejak rusuhan dan demonstrasi berlaku di Sabah yang menyebabkan lima kematian dan kerugian berjuta-juta ringgit dalam harta benda dan perniagaan. Setakat ini Kerajaan Persekutuan masih belum membuat apa-apa kompensasi kepada mangsa-mangsa yang tidak bersalah itu; sebaliknya ia mempunyai wang untuk menderma sebanyak satu juta ringgit kepada Non-Aligned Movement. Saya kata bahawa kebijakan seharusnya bermula di rumah sendiri. Sejuta ringgit tersebut boleh dan seharusnya digunakan untuk memampas mangsa-mangsa tersebut yang mengalami penderitaan dari situasi yang tidak dilakukan oleh mereka. Tetapi situasi yang dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan tidaklah membantutkan bahaya kantungnya, tetapi sebaliknya menggalakkannya dengan cara kesunyian.

Saya berkata sedemikian mengikut pandangan yang Kerajaan Persekutuan telah gagal dalam tugas mereka untuk mengawal kehidupan dan kebebasan rakyat Malaysia dan membela peraturan dari segi undang-undang dan pengadilan. Sebalik menghukum ketua-ketua rusuhan mengikut keberatan jenayah mereka, Attorney-General hanya mendakwa mereka dengan mengenakan denda tidak melebihi \$500. Tidak setakat itu, Attorney-General hingga kini gagal mendakwa salah seorang ketua rusuhan tersebut Encik Mohd. Harris Salleh. Mengapakah beliau tidak ditangkap dan didakwa? Mengapakah dakwaan-dakwaan ke atas mereka terlalu ringan? Saya berkata bahawa

Attorney-General telah gagal dalam tugasnya dan demikian saya menyeru beliau supaya meletakkan jawatan supaya Pejabat Attorney-General boleh dimulakan dan dihormati oleh rakyat Malaysia.

Dalam isu integrasi nasional terutama di antara Sabah dan Semenanjung Malaysia, bagi langkah pertama, saya ingin menyeru Perdana Menteri kita supaya menarik dan meminta maaf kerana ucapan beliau kepada wartawan-wartawan sebelum berangkat ke negeri Cina yang mana ia berkata bahawa Sabah is the wild West.

Baru-baru ini dalam isu Borneo Bulletin yang bertarikh 29hb Ogos, 1986 telah dilaporkan bahawa hanya wartawan-wartawan dari Semenanjung sahaja dijemput ke pelancaran pertama Feri Malaysia. Tidak seorang pun wartawan-wartawan dari Sabah dan Sarawak yang dijemput. Ini tidak akan menggalakkan integrasi nasional. Langkah-langkah lain yang mungkin dapat menjayakan integrasi nasional ialah mengurangkan tambang udara dari dan ke Sabah dan Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Begitu juga dengan kadar tambang yang lebih murah bagi Feri Malaysia. Kemasukan lebih ramai lagi rakyat Sabah ke dalam Jabatan Persekutuan ke seluruh negara semasa menghuraikan dan melaksanakan polisi-polisi aspirasi kebudayaan dan keperluan semua bangsa dan agama di Malaysia harus difahami.

Bagi penutup, saya berharap agar sidang pertama bagi Parlimen Ketujuh ini akan membawa sebuah era baru bagi merancang keputusan-keputusan dan polisi-polisi yang berfaedah kepada semua rakyat Malaysia tidak kira bangsa, agama, warna atau kepercayaan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohammed Amin bin Haji Daud):
Yang Berhormat dari Kota Belud.

5.54 ptg.

Tuan Maidom bin Pansai (Kota Belud): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi pertama kalinya di Dewan yang mulia ini bagi pihak rakyat Kota Belud untuk menyokong Usul Terima Kasih ke atas Titah Di Raja yang ada di hadapan kita.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya Titah Ucapan Di Raja ini adalah suatu yang harus diterima dengan sanjungan tinggi kerana di dalamnya termuat segala perancangan-perancangan Kerajaan yang begitu bernas, hasil daripada kesedarannya akan masalah rakyat selama ini, lebih-lebih lagi pada masa ini di mana pertumbuhan ekonomi negara kita dalam keadaan yang begitu lembab yang mana telah mengakibatkan banyak masalah kepada negara kita. Ini dapat dibuktikan daripada langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan seperti menambah penggunaan bahan-bahan tempatan termasuklah bahan-bahan dan bahan mentah yang lain daripada industri perkilangan serta menambahkan pengeluaran pertanian dan menitikberatkan peranan sektor swasta sebagai penggerak utama kepada pertumbuhan ekonomi negara. Saya percaya langkah-langkah seperti itu adalah kena pada tempatnya dan tepat pada masanya kerana ianya merupakan suatu langkah jangka pendek selain daripada langkah-langkah atau usaha-usaha yang terkandung dalam beberapa dasar Kerajaan yang bertujuan untuk mengatasi atau sekurang-kurangnya mengurangkan masalah akibat kemelesetan ekonomi negara dan yang terpenting sekali ialah untuk memperbaiki taraf hidup rakyat dan seterusnya ke arah kemakmuran. Ini adalah penting kerana saya percaya kita semua pun sedar bahawa keamanan sesuatu

negara itu hanya akan wujud bila mana rakyatnya makmur dan seterusnya akan menjadi tengah dan stabil.

Suatu perkara yang amat membanggakan saya dan mungkin kita semua ialah sikap liberal yang ditunjukkan oleh pihak Kerajaan yang ternyata menerusi Titah Ucapan Di Raja itu yang menyatakan bahawa pelaksanaan sesuatu dasar itu boleh diubahsuaikan mengikut keadaan semasa untuk mencapai matlamat perpaduan negara.

Bagi saya sikap yang diambil oleh pihak Kerajaan seperti itu adalah sesuatu yang amat membanggakan kerana ianya jelas menampakkan betapa pihak Kerajaan mengambil berat tentang pencapaian matlamat dasar-dasar Kerajaan yang sempurna dan dalam erti kata yang sebenar-benarnya. Syabas kepada Kerajaan. Dalam hal ini saya memang bersetuju bahawa matlamat sesuatu dasar itu akan hanya dapat dicapai sepenuhnya jika pelaksanaan itu dibuat berdasarkan kepada kesesuaian keadaan semasa serta keadaan sekeliling dan bahkan keadaan masyarakat berkenaan. Jika tidak, maka saya khuatir bahawa segala dasar Kerajaan yang begitu indah dan baik itu akan hanya dapat didengar, dapat dilihat tetapi tidak dapat dinikmati dalam erti kata yang sebenarnya. Untuk menjelaskan maksud saya ini, izinkanlah saya memberikan beberapa contoh sebagai bukti seperti berikut ini:

Dasar Ekonomi Baru—Bagi saya, Dasar Ekonomi Baru ini adalah suatu dasar yang merangkumi banyak aspek serta meliputi bidang yang luas dan sungguh komprehensif, bertujuan demi untuk kepentingan seluruh rakyat tanpa mengira bangsa, kebudayaan, agama dan keturunan dan seharusnya diberi sokongan. Bahkan setiap masyarakat yang

bertanggungjawab terhadap perpaduan bangsa dan negara seharusnya memainkan peranan demi untuk pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru itu dengan sepenuhnya. Namun begitu, walaupun Dasar Ekonomi Baru itu telah dimulakan sejak beberapa tahun yang lalu dan kini sudah hampir tamat tetapi ia masih jauh dari pencapaian matlamatnya yang sebenar. Ini disebabkan masalah perlaksanaannya yang tidak dibuat berdasar kepada keadaan semasa, terutama sekali keadaan masyarakat berkenaan, sehingga Dasar Ekonomi Baru itu seolah-olah dilihat sebagai mempunyai kelemahan di sana sini yang mana walaupun merupakan masalah kecil sahaja namun ianya perlukan pembetulan kalau kita ingin melihat pencapaian sepenuhnya. Kelemahan-kelemahan yang saya maksudkan adalah seperti berikut ini:

Peniaga-peniaga bumiputera tidak diberi tempat atau ruang niaga yang secukupnya atau yang sesuai dan strategik di pekan-pekan atau di bandar-bandar untuk menjalakan perniagaannya. Mereka biasanya diberikan gerai, pondok-pondok jualan di tempat-tempat yang terpencil seperti di sudut-sudut dan sebagainya yang tidak begitu biasa dilalui oleh orang ramai dan susah mendapat pelanggan.

Masalah ini harus diatasi supaya mereka juga terdedah kepada para pelanggan demi untuk membolehkan mereka bergerak maju selaras dengan peniaga-peniaga bukan bumiputera. mungkin juga ataupun tentu sekali peniaga bumiputera mempunyai masalah kewangan tetapi inilah yang Kerajaan harus fikirkan bagaimana memberi bantuan secukupnya terutama sekali kepada mereka yang benar-benar berminat dalam lapangan perniagaan.

Usahawan bumiputera juga patut begitu susah untuk mendapatkan tawaran-tawaran kepada projek Kerajaan, terutama sekali yang memerlukan teknologi tinggi kerana disebabkan kekurangan serba-serbi dibandingkan dengan usahawan bukan bumiputera yang serba lengkap dan established. Maka dengan itu, saya memohon kepada pihak Kerajaan agar mengambil langkah yang positif membawa usahawan bumiputera bergabung dengan usahawan bukan bumiputera. Gabungan ini hendaklah dijadikan satu syarat terutama sekali jika usahawan dari luar negeri terlibat. Dengan demikian, bukan sahaja ianya memberi peluang kepada usahawan untuk menimba pengalaman daripada rakan bukan bumiputeranya, tetapi yang penting ialah dapat mewujudkan semangat berkerjasama, seperfahaman, muhibbah dan perpaduan di kalangan rakyat bumiputera dan bukan bumiputera selaras dengan cita-cita murni Kerajaan kita. Tawaran yang kecil-kecil haruslah diberikan keutamaan kepada pemborong-pemborong bumiputera ataupun jika perlu, mungkin boleh dibuat dengan cara melantik pemborong bumiputera untuk membuat sesuatu kerja. Dalam hal ini pemborong atau usahawan bumiputera hendaklah dilantik secara bergilir-gilir agar semuanya akan mendapat peluang untuk menyambung untung nasibnya di bidang ini.

Prestasi mereka hendaklah direkodkan kepada usahawan Bumiputera yang tidak begitu baik prestasi kerana mungkin sesuatu kesilapan yang tidak disengaja atau tidak disedari atas kekurangan pengetahuan technical know-how, dengan izin, hendaklah pihak Kerajaan berikan dia segala panduan seperlunya. Dibalikinya kepada usahawan Bumiputera yang gagal kerana kecuaiannya sendiri hendaklah dibatalkan lesennya atau sekurang-

kurangnya tidak akan dilantik lagi untuk membuat sesuatu kerja pada masa-masa mendatang. Bank-bank perdagangan nampaknya tidak begitu melayankan pinjaman daripada usahawan bumiputera mendapati begitu sukar sekali untuk bergerak maju disebabkan kekurangan pelaburan modal.

Dalam hal ini saya merayu agar pihak Kerajaan akan mengambil segala tindakan yang positif demi untuk menggalakkan bank-bank perdagangan negara akan dapat memberikan bantuan pinjaman kepada para usahawan Bumiputera yang betul-betul memerlukan tanpa bimbingan dan ragu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab Dasar Ekonomi Baru masih jauh lagi daripada pencapaian matlamatnya yang sempurna, maka di sini saya mencadangkan agar Kerajaan akan melanjutkan lagi masa Dasar Ekonomi Baru itu sehingga ke suatu masa bilamana matlamatnya benar-benar tercapai dengan sepenuhnya.

Bagaimanapun sebagaimana yang saya katakan di awal-awal tadi, pelaksanaannya haruslah diubahsuai. Mana-mana yang dianggap perlu berdasarkan dengan kesesuaian masa, keadaan sekeliling dan masyarakat di sesuatu tempat agar pencapaiannya dapat dinikmati oleh masyarakat dalam erti kata yang sebenar-benarnya.

Dasar Pertanian Negara. Dalam hal ini setelah mengamati Dasar Pertanian Negara, saya bersetuju bahawa ianya cukup komprehensif. Bagaimanapun saya hanya ingin menekankan dari segi masalah pemasaran bagi hasil-hasil yang dikeluarkan oleh para pekebun atau petani kecil-kecilan seperti sayur-sayuran, ubi kayu, nenas, keladi, betik dan sebagainya. Sebagaimana yang kita sedia maklum, bahawa tanam-tanaman yang disebutkan di atas itu adalah semuanya merupakan tanaman

utama. Penduduk luar bandar yang mana di samping mereka menanamnya untuk keperluannya atau tegasnya untuk makanan sendiri tetapi mereka juga mengharapkan sebagai punca untuk mendapatkan perbelanjaan dengan cara menjual lebihan yang dimakannya.

Dalam perkara ini saya mohon kepada Kerajaan agar mengambil sesuatu langkah yang positif untuk membantu mereka dalam soal pemasaran bagi hasil-hasil pertanian yang dikeluarkan oleh pekebun-pekebun kecil yang lebih sistematik lagi. Saya fikir jika pemasaran seperti itu dapat diadakan dengan secara langsung dapat mendorong rakyat kita untuk bekerja lebih keras lagi dalam usaha untuk mendapatkan produktiviti yang tinggi.

Selaras dengan cita-cita murni Kerajaan, seperti apa yang ternyata dinyatakan dalam Titah Di Raja. Dasar Hala Baru dalam pembangunan kampung dan luar bandar. Dalam hal ini saya tidak mempertikaikan mengenai objektif atau apa-apa aspek dasar dan strategi pelaksanaannya. Apa yang saya ingin menarik perhatian Kerajaan di sini ialah dalam konteks pembangunan bagi keperluan asas seperti pembangunan jalan-jalanraya, bekalan tenaga elektrik dan bekalan air.

Apa yang saya dapat lihat selama ini ialah pembangunan seperti itu hanya menghebat di bandar-bandar sahaja, manakala penduduk di luar bandar pula masih banyak yang hanya dapat mendengar dan dapat melihat pembangunan tersebut, tidak pernah menikmati dalam erti kata yang sebenarnya. Atas justeru itu di sini saya mengambil peluang keemasan ini untuk meminta kepada pihak Kerajaan agar mengambil perhatian berat pembangunan luar bandar, kampung-kampung yang belum

mempunyai perhubungan jalanraya hendaklah diambil perhatian yang positif.

Jalan-jalanraya yang telah dibina hendaklah ditar seperti suatu jalanraya yang ada di kawasan saya iaitu jalanraya Kota Belud/Ranau atau yang dipanggil dalam bahasa Inggeris, dengan izin, Kota Belud/Ranau Bypass dengan jalanraya tersebut sudah wujud sejak musim Jepun. Pada masa ini ianya adalah satu-satu jalanraya yang terpenting sekali di Daerah Kota Belud kalau bukan di seluruh Sabah kerana jalanraya itu digunakan oleh kenderaan-kenderaan pengangkut tembaga daripada Lombong Tembaga Mamud yang terletak di kaki Gunung Kinabalu ke dermaganya di Kuala Abai. Tetapi sedihnya hingga masa ini jalanraya tersebut belum pun ditarkan menyebabkan pada musim hujan jalanraya tersebut menjadi begitu berlumpur akibat kesan tayar lori-lori mengangkut tembaga, sehingga kadangkala kereta kecil seperti pick-up dan motokar payah ditolak.

Pada musim kemarau pula segala kereta yang tiada dipasang dengan pendingin hawa, atau air-conditioned akan menjadi mangsa habuk yang begitu tebal sekali. Keadaan jalanraya tersebut lebih teruk lagi daripada apa yang dapat saya terangkan di sini sehingga terdapat banyak penduduk yang sering menggunakan jalanraya tersebut bertanya adakah lumpur atau habuk debu jalanraya itu boleh dianggap sebagai suatu nikmat kemerdekaan yang dicapai selama ini? Mereka hairan bila kita katakan ianya akan ditar apabila ada peruntukannya. Maka mereka kata bagaimana pula tidak ada peruntukan, sedangkan di bandar-bandar menghebat pembangunannya yang sudah ditar, dipertingkatkan dan diperluaskan manakala di kampung pula hanya dibiarkan begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sudah sampai masanya bagi Kerajaan untuk memperhebatkan pembangunan di luar bandar setanding dengan yang terdapat di bandar-bandar, jalan-jalanraya yang telah dibuat oleh Pejabat Daerah, Majlis Daerah hendaklah dinaikkan tarafnya dengan mengtarkan jalan-jalanraya tersebut. Jalan-jalan yang dibuat oleh Jabatan Kerjaraya juga hendaklah diberikan peruntukan untuk tujuan yang sama. Begitu pun juga dengan bekalan tenaga elektrik, bekalan air dan pembinaan pusat-pusat kesihatan di kampung-kampung dan dalam hal ini saya mohon pihak Kerajaan akan mengadakan atau menjalankan penyiasatan mendalam di ketiga-tiga kawasan pilihanraya ADUN yang termasuk dalam kawasan saya iaitu, N 7—Tempasuk, N 8—Usukan dan N 9—Kedamaian dalam konteks pemberian bekalan tenaga elektrik, bekalan air dan pusat-pusat kesihatan dan mengambil tindakan yang sewajarnya memandangkan bahawa kemudahan-kemudahan asas itu adalah amat diperlukan oleh penduduk berkenaan selama ini.

Akhir sekali integrasi nasional. Bercakap mengenai integrasi nasional, setiap masyarakat yang cintakan perpaduan seharusnya hendaklah menitikberatkan dalam soal ini dengan mengambil segala langkah yang positif untuk bergerak maju ke arah matlamat tersebut. Saya percaya bahawa masyarakat yang cintakan perpaduan sedar akan peri mustahaknya integrasi nasional terutama sekali dalam konteks negara kita yang terdiri daripada berbagai dan beberapa buah negeri yang bersekutu dalam Persekutuan Malaysia serta rakyatnya yang terdiri daripada berbagai bangsa, keturunan dan agama. Pihak Kerajaan haruslah berusaha dengan sedaya upaya memastikan supaya wujud perpaduan di kalangan masyarakat kita kerana hanya menerusi

perpaduanlah maka rakyat kita akan boleh hidup dalam keadaan harmoni dan muhibah serta aman damai iaitu salah satu daripada ciri-ciri Rukun Hidup yang boleh membawa kepada negara kita ke dalam keadaan yang stabil.

Namun demikian bila kita perhatikan segala usaha yang telah diambil oleh Kerajaan dalam soal ini maka saya mendapati bahawa integrasi nasional yang dilaung-laungkan itu tidak mudah tercapai walaupun tindakan Kerajaan untuk mengadakan perkhidmatan Feri Malaysia itu bolehlah dianggap sebagai satu langkah yang positif dalam usaha untuk memperdekatkan hubungan di antara rakyat Semenanjung Malaysia dan Malaysia Timur iaitu Sabah dan Sarawak serta penghapusan penggunaan passport rakyat Sabah ke Semenanjung tetapi adalah masih belum mencukupi untuk menjamin kewujudan integrasi nasional di negara kita. Bahkan saya ingin menyatakan di sini dengan terus terang, dengan jujur dan ikhlas, cara menyerahkan merasa sesuatu benda di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat itu adalah tidak mendatangkan kesan sama sekali melainkan pihak Kerajaan dapat memperseimbangkan keadaan dalam semua aspek di negeri-negeri yang bersekutu dalam Persekutuan Malaysia terutama sekali dalam konteks harga barang-barang dagangan harus diperseimbangkan, contohnya harga kereta nasional Proton Saga di Semenanjung Malaysia adalah jauh lebih murah dengan harga yang dikenakan di Sabah. Kalaulah sebab-sebab yang diberikan berasaskan kepada kos pengangkutan itu adalah dipersetujui, namun jika perbelanjaan begitu tinggi sehingga beribu-ribu ringgit maka itu adalah suatu perkara yang mustahil. Jika dibuat berdasarkan kepada cukai kastam yang dikenakan maka ianya adalah suatu perkara yang tidak logik memandangkan kereta tersebut

adalah keluaran Malaysia sendiri yang dibuat di negara Malaysia dan Sabah adalah salah sebuah negeri dalam Persekutuan Malaysia. Mengapa pula rakyat Malaysia yang tinggal di Sabah dikenakan cukai untuk membeli barang keluarannya sendiri.

Kalau ia dikenakan demi untuk kepentingan segi ekonomi negara maka tidaklah keterlaluan jika kita katakan bahawa rakyat Malaysia yang tinggal di Sabah hanya dikenali sebagai rakyat Malaysia dalam pertuturan atau dalam sebutan sahaja. Manakala ianya tidak akan dapat merasa nikmat sebagai orang Malaysia dalam erti kata yang sebenarnya. Dan kalau keadaan seperti itu dibiarkan berlanjutan begitu sahaja tentu sekali ia boleh menghalang usaha murni kita untuk mewujudkan integrasi nasional di kalangan masyarakat kita.

Memperseimbangkan gaji guru-guru, pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan di antara Semenanjung dan Sabah, saya membangkitkan perkara ini adalah kerana pada masa ini apa yang saya dapat tahu gaji guru-guru dari Semenanjung yang bertugas di Sabah adalah jauh lebih tinggi daripada guru-guru dari Sabah walaupun mempunyai kelayakan, pengalaman dan dalam kategori yang sama. Begitu pun juga halnya dengan lain-lain jabatan. Jika kita biarkan keadaan seperti itu ianya juga sebanyak sedikit akan melambatkan proses integrasi nasional. Jabatan-jabatan Persekutuan yang ada di Negeri Sabah hendaklah menjalankan fungsinya seolah-olah ianya adalah juga Jabatan Kerajaan Negeri serta berusaha dengan sedaya upaya untuk memperbaiki mutu perkhidmatannya.

Contohnya, Jabatan Pendaftaran beranak dan mati begitu lambat sekali memproseskan pengeluaran permohonan kad-kad pengenalan, bila ditanya pegawainya menjawab ini

memang lama kerana kena hantar lagi ke Kuala Lumpur diproses. Itu saya setuju.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat,

Tuan Maidom bin Pansai: Mohon seminit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti, dengar saya cakap dahulu. Yang Berhormat ada satu minit lagi, sila gulung ucapan.

Tuan Maidom bin Pansai: Ya, saya menyatakan demikian kerana saya sendiri ada pengalaman dalam hal ini apabila saya memohon kad pengenalan salah seorang anak saya pada awal tahun 1983 dan hanya diterima pada bulan Ogos yang lalu tahun 1986.

Kalau ini dibiarkan, tidakkah ini juga menjadi salah satu daripada sebab yang melambatkan proses integrasi nasional. Tambang kapalterbang dari Sabah ke Semenanjung adalah terlalu tinggi. Salah satu masalah utama lagi ialah tambang kapalterbang dari Sabah ke Semenanjung Malaysia yang begitu tinggi.

Saya mengukur harga tersebut dengan membandingkan tambang kapalterbang dari Sabah ke Manila yang jauh lebih rendah daripada tambang daripada Sabah ke Semenanjung. Sehingga kebanyakan rakyat Sabah kini lebih suka melancong ke Manila daripada Semenanjung Malaysia kerana masalah tambang yang begitu tinggi ke Semenanjung Malaysia. Sepatutnya perkara ini tidak terjadi demikian kerana Sabah adalah senegara dengan Semenanjung Malaysia dalam konteks Persekutuan Malaysia. Kerajaan harus mengambil kira bahawa jika pihaknya betul-betul menitikberatkan integrasi nasional, maka walaupun mungkin

ada kesannya tidak begitu baik di segi ekonomi jika tambang kapal terbang dari Sabah ke Semenanjung dan sebaliknya dikurangkan tetapi ianya harus berkorban demi untuk mempercepatkan integrasi nasional semoga cita-cita murni Kerajaan untuk mengadakan masyarakat Malaysia yang bersatu padu dan negara yang stabil akan tercapai dengan sepuuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, buat akhir kata di sini saya ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan kepada saya ini dan membenarkan saya untuk mengutarakan segala isu-isu yang saya anggap perlu diberi pertimbangan yang positif.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Sepang.

6.10 ptg.

Tuan Mohd. Sharif bin Jajang (Sepang): Tuan Yang di-Pertua, saya Mohd. Sharif Jajang dari Sepang, berjiran dengan Ahli Yang Berhormat Hu Sepang, menyokong Usul Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan Kebawah duli yang telah dibawa dengan baik dan bernas oleh sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Kuantan.

Tidak syak lagi, Tuan Yang di-Pertua, Kebawah duli telah menunjukkan kasih sayang dan perhatian berat terhadap rakyat jelata.

Kebawah Duli begitu sedar dan memahami akan masalah rakyat dan negara. Kebawah duli menyarankan titah betapa penting dan mustahaknya amalan demokrasi berpalimen, kebebasan bercakap, bersuara di dalam konteks sistem demokrasi berparlimen dipelihara dan dipertahankan. Titah Ucapan tahnai

Kebawah duli di atas kemenangan Ahli-ahli Barisan Nasional dan juga di atas kelancaran perjalanan pilihanraya umum melambangkan betapa dekatnya Kebawah Duli terhadap perkembangan politik negara.

Titah sasaran dan ingatan Kebawah Duli agar rakyat bersatu padu di bawah pimpinan Yang amat Berhormat Dato Seri Dr Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia adalah sudah cukup bagi kita mengakui dan semua rakyat mengiktirafnya sebagai Perdana Menteri. Kalau kita tidak cukup waras dan tidak cukup siuman, maka tidak timbul sama sekali dan tidak akan diungkit-ungkit lagi Perdana Menteri hanya mendapat sokongan lima puluh lima peratus dan tidak seratus peratus sokongan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong nampaknya sengaja membangkitkan sesuatu yang menaikkan berang orang. Kalau sebelum pilihanraya dan kempen di dalam pilihanraya, sasaran dan matlamat partinya untuk menafikan dua pertiga majoriti Barisan Nasional serta rakyat diputarbelitkan dengan berbagai tipu daya dan gagal menafikan dua pertiga majoriti Barisan Nasional dan di dalam keadaan tidak yakin menafikan dua pertiga majoriti Barisan Nasional, dikatakan pula Kerajaan tidak adil, tidak demokratik. Anihnya, ikut juga bertanding. Setelah bertanding, nasib baik dapat 24 kerusi. Kalau dapat satu-dua kerusi, apa hendak kata? Tuan Yang di-Pertua, saya meminta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri janganlah pedulikan dan jangan gentar dan saya percaya kami di belakang ini bulu roma pun tak naik.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kemenangan Barisan Nasional di dalam pilihanraya 3hb Ogos yang lalu adalah kemenangan mutlak dan tidak siapa pun boleh mempertikaikannya

lagi. Adat kita berlawan, adat kita bertanding, ada yang menang dan ada yang kalah. Pihak yang menang, walaupun hanya satu kerusi, memang juga namanya. UMNO menang cemerlang. Kami bersyukur ke hadrat Allah subhanuhu wa ta'ala dan kami belum berasa sombong dan riak, tetapi kami punya sukalah, kami hendak raikan kemenangan, hendak sambut atau apa hendak buat sekalipun, orang lain tak payah campur tangan atau nasihatkan kami apa hendak buat. Jagalah tepi kain sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun hairan terhadap seorang Ahli Yang Berhormat yang ada di dalam Dewan yang mulia ini, sebelum dan semasa pilihanraya dia menafikan dua pertiga majoriti Barisan Nasional, selepas kemenangan Barisan Nasional diisytiharkan cakap hendak sokongan dan bekerjasama dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetapi petang kelmarin sudah tidak pula mengakui dan mengiktiraf Perdana Menteri. Dia kata Perdana Menteri hanya dapat sokongan lima puluh lima peratus rakyat sahaja. Janganlah kita laksana katak, sedikit hujan, banyak bermain.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya rakyat telah meletakkan harapan dan aspirasi yang tinggi terhadap Kerajaan. Saya yakin Kerajaan tidak akan teragak-agak berbuat apa sahaja untuk memenuhi harapan dan aspirasi rakyat.

Namun demikian adalah menjadi tanggungjawab kita semua bersama memahami dan menjelaskan keadaan negara kepada rakyat. Pada hari ini tidak timbul langsung apa yang dikatakan "kesengsaraan krisis keyakinan" itu. Rakyat tidak dilanda dengan kesengsaraan krisis keyakinan seperti yang didakwa. Kalau tidak ada taukeh yang saban hari, saban ketika menjarum, menghasut dan bercakap

apa sahaja asalkan dapat meraih untung politik sebanyak-banyak dan sebesar-besarnya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam usaha Kerajaan membawa dan menyediakan seberapa banyak peruntukan ke luar bandar yang pasti hendak dituntut supaya wang yang banyak itu betul-betul dapat dilihat dan disampaikan ke pangkuan rakyat. Janganlah bunyi sahaja besar, tetapi rupanya tiada. Sebagai contoh di dalam usaha Kerajaan meninggikan atau menaikkan taraf jalan luar bandar, ada setengah-setengahnya terlalu kecil, tak tahu apa standardnya, dengan izin, sudahlah begitu, projek-projek yang didatangkan kadang kala Pegawai-pegawai Daerah pun tidak tahu. Begitu jugalah Wakil Rakyat.

Pembinaan jalan penting, menaikkan taraf jalan penting kerana pentingnya itulah agaknya jabatan-jabatan berebut-rebut hendak membuatnya. Biasanya di antara Jabatan Kerja Raya dan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Mereka berebut-rebut hendak membina memanglah kita suka kerana masing-masing sudah ada peruntukan tetapi apa yang mendukacitakan bila sampai hendak membaiki kerosakan, mulalah masing-masing tolak-menolak. Jabatan Kerja Raya kata bukan jalan dia, pihak Pembangunan Negara dan Luar Bandar kata peruntukan tak ada.

Tuan yang di-Pertua, selain daripada pembinaan jalan dan lain-lain kemudahan asas yang dipertingkatkan yang sudah pasti akan dipertingkatkan oleh Kerajaan, maka saya sarankan supaya pihak Kerajaan mengkaji dan melihat pelaksanaan skim pembinaan rumah murah pekerja-pekerja ladang dan lombong. Apakah tidak wajar skim ini diteruskan? Nampaknya terhenti apabila Kerajaan melalui Permodalan

Nasional Berhad (PNB) mula memiliki ladang-ladang. Sekiranya Kerajaan berasa amat sukar hendak melaksanakan, maka tiada pilihan lain, melainkan memperbanyakkan pembinaan rumah-rumah murah awam di pinggir-pinggir ladang dan lombong. Keutamaan hendaklah diberikan kepada pekerja-pekerja lombong dan ladang.

Tuan yang di-Pertua, saya turut bersimpati dengan peristiwa pembekuan kegiatan 23 buah koperasi. Tidak syak lagi tindakan penyelewengan oleh pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai koperasi yang berkenaan merosakkan dan mencemarkan nama baik Kerajaan. Usaha dan langkah Kerajaan bertujuan menyelamatkan dan mempertahankan imej koperasi di negara ini sayogianya dipuji, tetapi usaha dan langkah jujur Kerajaan janganlah disalah mengertikan oleh mana-mana pihak.

Saya menyarankan supaya setimpal dengan niat baik Kerajaan dan dengan tempelak orang ramai serta serentak dengan itu meyakinkan rakyat terhadap simpanan serta pelaburan mereka, maka saya sarankan penjenayah-penjenayah koperasi dengan segera diberkas dan dibawa ke muka pengadilan.

Tuan Yang di-Pertua, di setengah-setengah pekan kecil, penyimpan-penyimpan di dalam koperasi yang tertentu adalah terdiri daripada orang-orang tua, penjaja, pekedai runcit yang meletakkan simpanan harian sebagai modal kecil pusingan. Amatlah malang apabila berlaku pembekuan itu, mereka tidak dapat menggunakan wang pusingan dan simpanan yang sedikit itu hatta bertangguh untuk membayar bil-bil letrik, bil air dan cukai-cukai pintu. Lebih-lebih lagi menyediakan apabila mereka datang ke pejabat-pejabat koperasi berkenaan untuk meminta wang mereka dikeluarkan, pegawai

dan kakitangan koperasi tersebut mengarahkan mereka balik lantaran menuduh Kerajaan sengaja membekukan urusan mereka. Untuk berlaku adil, Tuan yang di-Pertua, setelah penyimpan tidak boleh mengeluarkan kembali wang mereka, maka disyorkan supaya ditutup terus koperasi dari menjalankan urusan mereka kerana penyimpan semakin bimbang dan tertanya-tanya dari mana dan bagaimana pegawai-pegawai dan kakitangan koperasi berkenaan memperolehi gaji kalau tidak daripada wang simpanan mereka sedangkan mereka hendak menuntut wang mereka sendiri tidak boleh?

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ekonomi kita telah meleset, pembangunan ekonomi negara lembab, bererti zaman dan era mewah sudah berakhir. Kita sedar negara-negara di dunia ini pun susah, ekonomi mereka pun masih belum pulih. Jadi sekarang kita tumpu dan padakan dengan apa yang kita ada, sekiranya kita dapat berjimat sedikit dan kurangnya kunjungan-kunjungan ke luar-luar negeri dan seboleh-bolehnya Yang Berhormat Menteri-menteri kurangkan atau tangguhkan hasrat untuk bercuti ke luar negeri, juga jika boleh bertentang sedikit dengan apa yang disuarakan oleh Ketua Pembangkang untuk memanjangkan sidang Parlimen ini. Saya sarankan sidang Parlimen kita ini pun boleh dipendekkan. Bincang yang penting-penting dan putuskan yang perlu sahaja. Cakap kurang lebih kerja adalah lebih baik.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

6.22 ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai): Bismillah-irrahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk sama-sama

menyokong di atas Usul Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong semasa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Ketujuh pada hari Selasa, bersamaan 7hb. Oktober, 1986 yang lalu. Usul ini telah di bawa oleh Yang Berhormat Tuan Adam bin Abdul Kadir pada 8hb Oktober, 1986.

Di sini saya juga mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga Timbalan-timbalan Yang di-Pertua Dewan ini dan di samping itu saya cuba hendak membincangkan usul ini dalam masa 15 minit yang begitu pendek diberi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyarankan amalan demokrasi berparlimen telah sehati dengan rakyat. Kebebasan asasi seseorang itu dijamin oleh Perlembagaan dan dilindungi oleh sistem perundangan yang adil. Sistem demokrasi ini mestilah sentiasa dipelihara dan dipertahankan.

Pada 8hb lalu kita telah mendengar ucapan dari parti Pembangkang yang mana saya rasa sebagai rakyat Malaysia dan saya sebagai Wakil Rakyat, merasa ucapan yang telah diucapkan oleh parti Pembangkang amatlah memilukan di hati orang-orang Melayu jika ucapan ini dilafazkan di luar daripada Dewan ini, akibatnya amat buruk.

Tuan Yang di-Pertua, kita dalam negara Malaysia ini yang baharu merdeka, Kerajaan sentiasa mencari jalan untuk menyatu padukan rakyat negara Malaysia ini dengan bermacam-macam slogan yang diadakan supaya rakyat dalam negara Malaysia ini bersatu-padu antara satu dengan lain. Orang-orang Melayu telah menderita begitu lama kerana telah dijajah. Barulah dua tahun ataupun 10 tahun orang-orang Melayu merasa sedikit kesenangan di atas

nikmat kemerdekaan ini dengan wujudnya Dasar Ekonomi Baru sejak tahun 1971. Setakat ini hanya 17% sahaja yang baru didapati. Tetapi dengan keadaan yang begitu sedikit ini, pihak-pihak Pembangkang selalu sangat mengungkit-ungkit keistimewaan orang Melayu yang sedikit ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu perkara-perkara yang seumpama ini berlaku dan sejarah hitam berlaku kembali. Kita tidak mahu perkara ini berlaku di dalam negara kita Malaysia yang begitu kecil. Janganlah kita selalu sangat mengapi-apikan, kita takut badan akan terbakar. Kita tidak mahu perkara-perkara seumpama ini. Pepatah orang Melayu mengatakan, "tangan yang mencencang, bahu yang memikulnya nanti". Kita begitu sedih dalam keadaan bila soal jawab diadakan di dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya baharu sekali hari ini saya berucap di dalam Dewan Rakyat ini. Saya telah dilantik selama dua Penggal di Dewan Negara. Sungguhpun di dalam Dewan Negara itu saya rasa semua ahlinya dari parti Barisan Nasional, tidaklah pernah ucapan-ucapan yang begitu kita dengar, yang menyakitkan hati satu-satu kaum.

Pilihanraya telah berlalu, daripada 84 kerusi ditandingi, 83 telah dimenangi oleh orang-orang UMNO sendiri. Ini juga menjadi bahan parti Pembangkang untuk mengecil-ngecilkan parti UMNO dan di samping itu juga yang sedihnya apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita menjawab soalan-soalan, pihak parti Pembangkang macam tidak mengindahkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia kita sendiri. Umpamanya, kata-kata "jangan main-main". Saya rasa kita rakyat Malaysia ini patutlah menghormati.

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada orang bangun.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Saya rasa saya tidak mahu beri jalan, masa suntuk, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, dia tidak beri.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Biar saya habiskan, kerana masa tidak mencukupi. Oleh itu kita mengharapkan perkara-perkara seumpama itu tidak berlaku lagi. Kita berada dalam Dewan ini adalah mewakili rakyat, dipilih oleh rakyat untuk membela rakyat, bukan soal-soal yang menyakiti hati manusia yang kita hendak ucapkan dalam Dewan yang mulia ini. Oleh itu di dalam soal

ini, Tuan Yang di-Pertua, sebagai Wakil Rakyat yang telah dipilih, saya mengharapkan di dalam Dewan yang mulia ini untuk memulakan tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat khususnya di kawasan saya di Lembah Pantai, di Wilayah Persekutuan ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, sila duduk! Yang Berhormat boleh sambung lagi pada hari Isnin.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga hari Isnin, jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.